




● BIL 270 ● 12 - 18 JULAI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



KUALA LUMPUR

River of Life

BIAR MENGALIR JERNIH

➤➤ 2-3

Cabaran terletak
di bahu Fahmi Fadzil
➤➤ 7

Sesekali teringat
rock kapak
➤➤ 8

Autisme berhak
bahagia
➤➤ 9-11

Elak bazir dana diberi

Bina pangkalan data lengkap

SYED HAZIQUE

KERAJAAN perlu memantau dengan lebih teliti terhadap syarikat-syarikat serta projek-projek yang ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2/2024.

Pensyarah Kanan Bahagian Ekonomi, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, **Abdul Rais Abdul Latiff** berkata teguran tersebut menunjukkan isu-isu yang serius terhadap pengurusan kewangan syarikat-syarikat terbabit.

“Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti, projek atau program kerajaan yang berpunca daripada pelbagai faktor seperti kurang pemantauan atau penyeliaan oleh pihak berkaitan, ketiadaan penyelarasan antara agensi berkenaan, ketiadaan pangkalan data yang lengkap dan kelemahan dalam polisi atau prosedur kerja.

“Kelemahan ini menyebabkan program, aktiviti atau projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos meningkat dan kerajaan tidak mendapat nilai faedah wang yang dibelanjakan,”



ABDUL RAIS

katanya pada Rabu.

Tambah Abdul Rais, masalah utama ialah kurangnya pemantauan dan penyeliaan sehingga boleh menyebabkan penyelewengan atau ketirisan berlaku yang perlu diambil perhatian

Menurutnya, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil bagi memastikan isu tersebut tidak lagi berulang.

“Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program, projek dan aktiviti yang disebabkan oleh kurangnya pemantauan, penyeliaan dan tidak ada penyelarasan yang baik.

“Ini mengundang terhadap kegagalan projek untuk disiapkan mengikut aspek yang ditetapkan di samping mewujudkan peningkatan kos sekali gus mengakibatkan pembaziran perbelanjaan kerajaan.

“Sistem pengawasan atau pemantauan berkala boleh dilaksanakan bagi memastikan kesemua aktiviti, projek atau program kerajaan dipatuhi dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan,” jelasnya.

Abdul Rais menyatakan, langkah lain yang wajar diambil ialah membina pangkalan



ANTARA syarikat yang mengalami kedudukan kewangan kurang stabil dalam Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini.

data lengkap bagi memastikan tadbir urus lebih cekap selain mengenal pasti projek-projek atau program-program yang berisiko tinggi.

“Selain itu, penyelarasan antara agensi-agensi serta kementerian juga perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan masalah seperti ini berulang semula. Kita tidak mahu, dana yang diberikan oleh kerajaan, dibazirkan begitu sahaja,” ujarinya.

Dalam pada itu, katanya laporan tersebut juga mendedahkan secara terbuka mengenai pelbagai

kelemahan mahupun ketirisan berkenaan pengurusan kewangan di pelbagai agensi kerajaan.

“LKAN Siri 2/2024 mendedahkan bahawa terdapat banyak lagi kelemahan dalam tadbir urus kewangan yang melibatkan kementerian, jabatan, agensi dan perbadanan yang mendapat dana daripada kerajaan.

“Ia juga memainkan peranan yang penting dalam isu ketirisan, kelemahan atau salah guna wang yang dapat didedahkan kepada orang awam, sekali gus

menjadikan masyarakat sedar tentang bagaimana pengurusan tatakelola badan badan kerajaan ini dalam menguruskan perihal perbelanjaan.

“Kerugian ini boleh menyebabkan negara kita mengalami pembaziran sehingga mencapai jumlah berbilion ringgit dihabiskan.

“Justeru itu polemik atau perkara-perkara mengenai ketirisan wang dan masalah integriti serta rasuah ini perlu ditangani segera,” katanya.

LKAN kemuka 64 syor audit peringkat persekutuan

SEBANYAK 64 syor audit telah dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2/2024 untuk dilaksanakan kementerian, jabatan, agensi dan syarikat kerajaan yang diaudit di peringkat persekutuan.

Jabatan Audit Negara (JAN) dalam laporan tersebut turut memaklumkan, sembilan pengauditan yang melibatkan 11 kementerian dengan nilai kos keseluruhan program, projek, aktiviti yang diaudit berjumlah RM41.970 bilion.

“Skop pengauditan meliputi projek-projek yang telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) hingga Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12),” katanya baru-baru ini.

Tambahnya, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti atau projek atau program kerajaan yang berpunca daripada pelbagai faktor seperti kurang pemantauan atau penyeliaan oleh pihak berkaitan, ketiadaan penyelarasan antara agensi berkenaan, ketiadaan pangkalan data yang lengkap dan kelemahan dalam polisi atau prosedur kerja.

“Kelemahan ini menyebabkan program atau aktiviti atau projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan, kualiti kerja



JAN dalam laporan tersebut turut memaklumkan, 9 pengauditan yang melibatkan 11 kementerian.

tidak memuaskan, kos meningkat dan kerajaan tidak mendapat nilai faedah wang yang dibelanjakan.

“Antara isu signifikan yang dibangkitkan dalam laporan tersebut ialah Pengurusan Projek Sungai Nadi Kehidupan [River of Life (RoL)]; Pengurusan Program Pemerkasaan Jaringan dan Infrastruktur Telekomunikasi Jalur Lebar; Pengurusan Projek dan Program di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER),” ujarinya.

Dalam pada itu, jelasnya, LKAN 2/2024 juga menekankan

mengenai pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan.

Jelasnya, pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan adalah untuk mengukur pencapaian objektif penubuhan syarikat melalui tiga aspek yang dinilai, iaitu tadbir urus korporat, kedudukan kewangan dan pengurusan aktiviti utama syarikat dengan skop pengauditan bagi tempoh pada tahun 2019 hingga 2023.

“Terdapat dua syarikat berkait dengan Kerajaan Persekutuan iaitu Majlis Profesor Negara

(MPN) dan i2M Ventures Sdn Bhd (i2M Ventures) dikesan tidak mencapai objektif penubuhan yang ditetapkan.

“Selain tidak mencapai objektif penubuhan syarikat ditetapkan, amalan tadbir urus korporat MPN didapati tidak memuaskan, berbeza dengan i2M Ventures yang dikategorikan sebagai memuaskan dalam laporan itu.

“Dari segi kedudukan kewangan, prestasi i2M Ventures didapati tidak stabil sementara MPN pula, tidak dinyatakan kedudukan kewangan bagi syarikat itu.

“Bagaimanapun untuk kesinambungan operasi dan sumber kewangan MPN, syarikat itu tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada kerajaan,” ujarinya.

Jelasnya, dalam laporan sama turut mendedahkan terdapat empat syarikat Kerajaan Persekutuan belum mencapai objektif penubuhan syarikat sepenuhnya.

Menurutnya, syarikat berkenaan ialah Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd (Rangkaian Hotel Seri Malaysia); MARA Incorporated Sdn Bhd (MARA Inc); Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp).

“Daripada empat syarikat itu,

audit mendapati MARA Inc dan HRD Corp juga kurang memuaskan dalam aspek segi amalan tadbir urus korporat.

“Bagi Rangkaian Hotel Seri Malaysia dan UIAM, audit mendapati kedua-duanya merekodkan amalan tadbir urus korporat yang memuaskan.

“Bagi kedudukan kewangan, Rangkaian Hotel Seri Malaysia dan HRD Corp didapati adalah stabil, manakala MARA Inc dan UIAM dikesan berada dalam situasi kurang stabil,” jelasnya.

JAN menegaskan walaupun laporan mendapati Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) berada dalam kedudukan kewangan yang kurang stabil, namun begitu entiti berkenaan mencapai objektif penubuhan syarikat, selain mengamalkan tadbir urus korporat dikategorikan sebagai memuaskan.

Tambahnya, bagi pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan, terdapat keperluan penambahbaikan berterusan oleh syarikat kerajaan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti selaras dengan objektif penubuhan syarikat.

Tegasnya, kelestarian perniagaan syarikat kerajaan hendaklah dilengkapi dengan amalan tadbir urus yang baik bagi mewujudkan keyakinan pihak awam.

JWP dan agensi pelaksana teruskan Projek RoL

Kerajaan akan lantik kontraktor baharu

AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN Persekutuan merancang untuk melantik semula kontraktor bagi menyiapkan projek yang telah ditamatkan selain membuat penilaian yang lebih terperinci bagi memulakan semula projek pengindahan yang sebelum ini dibatalkan selain penilaian semula projek pra-pelaksanaan berhubung kegagalan menyiapkan Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata langkah itu diambil bagi menyiapkan projek berkenaan yang mencatatkan kemajuan pada 81 peratus selain telah mencapai status sebagai ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi sebagaimana yang diidamkan ketika diilhamkan dahulu.

“Saya turut mengikuti laporan-laporan media yang kebanyakannya memaparkan projek RoL sebagai ‘tidak berjaya’ dan ‘tidak akan dapat disiapkan’. Saya lebih suka memandang laporan ini daripada sudut positif, kerana saya yakin laporan-laporan media ini sebenarnya adalah manifestasi orang awam yang ingin melihat keindahan sungai dalam bandar melalui projek RoL.

“Dalam hubungan ini, saya akan memastikan supaya Jabatan



ZALIHA akan memastikan supaya projek River of Life (RoL) disiapkan.

Wilayah Persekutuan (JWP) dan agensi pelaksana meneruskan penyiapan projek RoL ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi pengguguran di Dewan Rakyat pada Rabu.

Projek RoL mendapat perhatian ramai berikutan mendapat teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) berhubung status terkini yang dijangkakan gagal disiapkan tahun ini kerana hingga Julai 2023, sebanyak 12 projek masih dalam peringkat prapelaksanaan, lapan projek dalam pelaksanaan dan kontraktor penyiap belum dilantik bagi dua projek setelah ditamatkan kontrak.

Antara lain, lampiran itu menyebut semua objektif RoL belum dicapai terutamanya untuk

meningkatkan kualiti air sungai ke Kelas IIB iaitu bagi tujuan rekreasi, selain kelewatan penyiapan bagi tiga projek dan penamatan satu projek pembedungan yang menyebabkan peningkatan kos dianggarkan RM234.72 juta, malah kerja pengindahan sungai tidak dilaksanakan di sepanjang 2.2KM Sungai Gombak.

Zaliha berkata RoL merupakan projek pemuliharaan sungai di dalam kawasan bandar yang paling kompleks dengan kos tertinggi yang pernah dilaksanakan di Malaysia, iaitu RM4.363 bilion selain pelbagai pengiktirafan yang diterima dan telah mentransformasikan Bandaraya Kuala Lumpur susulan kejayaannya mendapat pelbagai pengiktirafan tempatan dan

antarabangsa

“Ia boleh dilihat menerusi penyenaan *World's 10 Best Waterfront Districts* oleh Independent, iaitu portal berita dalam talian United Kingdom selain pernah dipilih sebagai salah satu daripada 10 landskap pancutan air terbaik di dunia oleh *The Independent* pada tahun 2019; *The International Award for Liveable Communities* 2021 bagi Projek *River of Life* (Presint 7).

“Projek ini turut mendapat penarafan empat bintang menerusi *Universal Access Design Audit by the Universal Design Auditors from the International Islamic University of Malaysia*, November 2019, *President Award Transforming Kuala Lumpur Heritage Quarters Urban Landscape*, 2018, *Gold Award, Singapore Landscape Architecture Award 2015 River of Life Master Plan* dan *Gold Award, Design Excellence (Medium Scale Category) 2022 for The Rejuvenation of Titiwangsa Lake Garden from Malaysian Institute of Planners*,” katanya.

Menurut Zaliha, penilaian semula nilai tanah yang telah dilaksanakan pada 3 April 2023 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan (JPPH, MOF) mendapati bahawa nilai tanah tertinggi dan terbaik tanah-tanah RoL adalah sebanyak

RM11.4 bilion berbanding nilai pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM6.1 bilion.

“Ini menunjukkan, telah berlaku peningkatan sebanyak RM5.3 bilion atau 87 peratus kenaikan bagi keseluruhan tanah RoL.

“Hasil kajian C.H Wiliam Talhar & Wong pada tahun 2015 merupakan rujukan dan asas kepada pelan pembangunan RoL yang mana perbincangan bersama semua agensi Kementerian atau Jabatan Pemilik (KJP) yang terlibat akan diadakan selepas projek siap sepenuhnya untuk penetapan hala tuju baharu komponen pembangunan tanah.

“Ingin ditegaskan bahawa, sebarang keputusan muktamad berkaitan pembangunan lot-lot tanah adalah di bawah bidang kuasa Pegawai Pengawal KJP/ pemilik tanah dan tertakluk kepada kemampuan kewangan atau dasar semasa kerajaan,” katanya.

Zaliha berkata bagi menjayakan pemuliharaan sungai secara tuntas, komitmen *whole of nation* sangat diperlukan bukan sahaja daripada pihak kerajaan malah daripada warga kota, kontraktor, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan orang ramai demi merealisasikan hasrat untuk meningkatkan kualiti air sungai di sekitar Kuala Lumpur demi kelestarian alam sekitar. 📸

Wujudkan badan pengawasan bersama

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu mewujudkan badan pengawasan bebas untuk memantau kemajuan projek dan pengurusan kewangan bagi memastikan Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) disiapkan.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **Dr Saravanan Thambirajah** berkata cadangan itu dikemukakan memastikan pengawasan dan amalan tata kelola yang lebih baik dalam pembangunan projek infrastruktur awam masa hadapan bagi memastikan ia tidak berdepan dengan kerugian.

“JWP dan DBKL sebagai badan pelaksana perlu menjalankan audit berkala dan semakan projek untuk mengenal pasti dan menangani isu berbangkit yang berkait dengan risiko kelewatan dengan segera.

“Selain itu, kedua-dua agensi ini perlu membangunkan garis panduan dan piawaian yang jelas untuk pengurusan projek dan prestasi kontraktor yang dilantik bagi mengelakkan berlaku isu seumpama itu pada masa akan datang,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menurut Saravanan, kedua-dua agensi itu disarankan untuk

melibatkan pihak berkepentingan sepanjang kitaran hayat projek tersebut bagi memastikan keseimbangan dan input mereka ditangan.

“JWP dan DBKL juga perlu menetapkan serta memantau petunjuk prestasi utama (KPI) bagi memastikan kemajuan projek serta pematuan terhadap akauntabiliti,” katanya.

Mengulas mengenai teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) terhadap projek berkenaan, Saravanan berkata terdapat percanggahan yang ketara antara belanjawan awal dan perbelanjaan sebenar sekali gus menunjukkan perancangan dan pengawasan kewangan yang lemah.

“Projek ini menghadapi banyak kelewatan yang membawa kepada peningkatan kos serta garis masa yang dicadangkan terhadap tarikh siap projek yang terpaksa dilanjutkan. Kelewatan ini disebabkan oleh pengurusan dan perancangan projek yang tidak mencukupi.

“Selain itu, prestasi kontraktor dan pematuan kepada jadual projek telah diambil perhatian

yang menunjukkan kurangnya proses tapisan dan pemantauan kontraktor yang ketat,” katanya.

Tambah beliau, laporan itu turut menunjukkan bahawa projek tersebut tidak mempunyai objektif yang jelas menjadikannya sukar untuk menilai kemajuan dan kejayaan dengan berkesan.

“Penglibatan pihak berkepentingan utama yang tidak mencukupi, termasuk komuniti tempatan dan kumpulan alam sekitar mengakibatkan kekurangan sokongan dan menimbulkan komplikasi tambahan semasa projek dilaksanakan,” katanya.

Menurut Saravanan berikutan kelewatan projek itu disiapkan, pihaknya mendapati terdapat kesan ke atas dana awam dan implikasi kewangan jangka panjang

“Salah urus dan kelewatan dalam Projek River of Life telah memberi kesan yang besar kepada dana awam dan telah menyebabkan lebih kos yang ketara dan terpaksa meletakkan beban kepada kewangan awam bagi menyelesaikan projek berkenaan.

“Pembaziran sumber telah mengakibatkan kerugian kewangan

tambahan selain keperluan untuk pembiayaan tambahan untuk menyiapkan projek boleh membebaskan belanjawan masa depan yang berpotensi membawa kepada pemetongan perkhidmatan penting lain.

“Implikasi kewangan daripada salah urus boleh mengakibatkan peningkatan cukai atau pengagihan semula dana daripada projek awam lain yang menjejaskan pembayar cukai secara langsung,” katanya.

Ujarnya projek berkemungkinan telah menghakis kepercayaan orang ramai terhadap inisiatif kerajaan berikutan sejumlah peruntukan besar digunakan untuk membangunkan projek tersebut.

“Untuk memulihkan kepercayaan ini, kerajaan harus menyediakan komunikasi yang jelas dan telus tentang kemajuan projek, cabaran yang dihadapi dan pengurusan kewangan.

“Kerajaan juga harus mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab atas salah urus dan menjurus ke arah peningkatan kos yang merugikan dana awam dengan memastikan mereka dipertanggungjawabkan di atas perkara berkenaan,” katanya.

Dalam pada itu, Saravanan berkata sebagai badan bukan kerajaan (NGO) yang membawa

suara pengguna, pihaknya serta kumpulan advokasi lain boleh memainkan peranan penting dalam memantau dan menangani isu dalam projek berkenaan.

“Kumpulan advokasi ini bertindak mewakili kepentingan pembayar cukai dan komuniti yang terjejas dalam perbincangan projek dan proses membuat keputusan.

“Ia juga dapat meningkatkan kesedaran awam tentang isu projek dan implikasinya terhadap dana awam selain melobi untuk pengawasan yang lebih baik, ketelusan dan akauntabiliti dalam projek awam serta boleh memantau secara aktif kemajuan projek dan pengurusan kewangan serta melaporkan penemuan kepada orang ramai dan pihak berkuasa,” katanya.

Kata beliau, semua pihak harus bekerjasama dengan agensi kerajaan, badan pengawasan dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan projek disiapkan dengan cekap dan berkesan.

“Dengan melaksanakan langkah-langkah ini dan melibatkan kumpulan advokasi pengguna, kerajaan boleh menambah baik pengurusan projek infrastruktur awam dan memulihkan kepercayaan awam,” katanya. 📸



DR SARAVANAN

Dakwaan rasionalisasi petrol RON95 Julai ini

Tiada pelaksanaan masa terdekat

SELAMA ini rakyat menikmati harga minyak yang rendah disebabkan oleh subsidi namun kerajaan perlu menampung kos yang besar melebihi kemampuan hasil.

Perbelanjaan subsidi yang semakin besar juga boleh mencetus risiko kepada kewangan negara sekali gus menyebabkan peruntukan perbelanjaan lebih penting terpaksa dikurangkan.

Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel yang dilaksanakan pada hari ini membawa fokus utama untuk menangani ketirisan dan penyelewengan subsidi diesel.

Pelbagai maklum balas diterima ekoran penyasaran tersebut sehingga ada yang mendakwa dalam bulan ini juga, kerajaan akan melaksanakan penyasaran subsidi RON95 pula.

Ramai yang mendakwa kerajaan sengaja mahu membebaskan rakyat kerana tidak tahu menguruskan ekonomi akhirnya meletakkan bebanan tersebut ke atas rakyat.

Menyentuh berkenaan isu hangat tersebut, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata belum ada kertas dasar dibawa ke Kabinet bagi tujuan rasionalisasi subsidi dilaksanakan ke atas petrol RON95.

Malah menurut beliau



BELUM ada kertas dasar yang boleh membawa pelaksanaan (rasionalisasi subsidi RON95) dengan cepat.

jangkaannya penyasaran semula subsidi bagi tujuan itu tidak akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

“Belum ada kertas dasar yang boleh membawa kita untuk melaksanakannya (rasionalisasi subsidi RON95) dengan cepat. Ada kajian dari dulu, tetapi kita fikir lebih baik lihat dulu langkah (penyasaran) ke atas elektrik dan diesel.

“Lihat dulu kesannya dan

bagaimana reaksi rakyat. Barulah (selepas itu) kita sedia berunding apakah (ada) keperluannya,” kata beliau pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Anwar menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhli Shaari (PN-Pasir Mas) yang ingin mengetahui sama ada kerajaan berhasrat melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95.

Terdahulu, isu berkenaan tercetus apabila Menteri Ekonomi tiba-tiba mengulas isu subsidi petrol semasa persidangan sebuah forum di Dalian, China.

Apapun yang dilaksanakan oleh kerajaan sudah pastinya langkah bertanggungjawab dalam menyelamatkan ekonomi negara di samping mengekalkan fokus untuk memastikan kos sara hidup rakyat tidak terjejas. 

Kerajaan bakal tambah baik penyampaian dasar baharu

ISU Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Bakap terus menjadi bualan biarpun ia telah berakhir minggu lalu. Segelintir mendakwa kononnya kerajaan tidak dapat menerima kenyataan atas kekalahan calon Pakatan Harapan (PH) pada PRK lalu.

Malah tuduhan tidak berasas tersebut turut mengatakan penyasaran subsidi diesel merupakan faktor utama yang membawa kepada kekalahan tersebut.

Tidak kurang juga ramai yang tetap menyokong serta mempertahankan segala polisi Kerajaan Perpaduan walaupun menerima kritikan.

Hakikatnya kerajaan sentiasa akur dengan pilihan rakyat malah dalam masa yang sama banyak faktor yang perlu diteliti dalam PRK tersebut.

Untuk makluman, langkah dasar penyasaran subsidi diesel merupakan gambaran manifestasi rakyat yang disuarakan melalui PRK Sungai Bakap adalah antara perkara yang akan diteliti dalam bedah siasat (*post-mortem*) PRK tersebut.

Memetik kenyataan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil pasukannya masih meneliti data bagi memperoleh gambaran menyeluruh keputusan berkenaan.

“Kita mengambil iktibar daripada suara rakyat di peti undi termasuk



KERAJAAN ambil iktibar daripada suara rakyat di peti undi termasuk di Sungai Bakap. - Gambar hiasan

di Sungai Bakap, kita sedar tarikh undi (PRK Sungai Bakap) kurang sebulan daripada penyasaran subsidi diesel, untuk mengatakan ia berkait dengan satu dasar semata-mata atau beberapa dasar, ini yang akan kita lihat dalam bedah siasat ini,” katanya pada Majlis Perasmian NADI di Kampung Dato’ Ahmad Said, Tambahan 2, Ipoh baru-baru ini.

Tambahnya, beberapa pengubahsuaian akan dilaksana melibatkan penyampaian maklumat mengenai dasar-dasar baharu kerajaan agar lebih difahami rakyat pelbagai segmen atau latar belakang.

Terdahulu, PRK Sungai Bakap calon Perikatan Nasional (PN) Abidin Ismail memenangi kerusi berkenaan dengan memperoleh 14,489 undi menewaskan

pencabarnya daripada Pakatan Harapan (PH) Dr Joohari Ariffin yang meraih 10,222 undi.

Keputusan tersebut turut menimbulkan dakwaan pelbagai pihak yang menyatakan ia manifestasi rakyat yang menolak dasar-dasar kurang popular Kerajaan Perpaduan termasuk langkah penyasaran subsidi diesel. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park

27-28/7/24: Festival TARI 2024 Malaysia @ Universiti Malaysia

17/8/24: NANOWHITE MEN x Watsons Run @ Taman Metropolitan Kepong

7/9/24: Malaysia Day UTC Sentul Brisk Walk 2024 @ UTC Sentul



PUTRAJAYA

13/7/24: IJN Run For Your Heart 2024 @ Anjung Floria Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

2 - 4/8/24: Putrajaya Equine Festival @ Putrajaya Equestrian Park

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Complex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

Padu Citra lindungi industri seni tanah air

DIANA AMIR

Foto: SYUQQREE DAIN

BAGI terus melindungi hak dan keistimewaan para pekerja industri perfileman di negara ini, karyawan filem menggesa pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) untuk melaksanakan semula syarat Padu Citra yang telah dihapuskan selama beberapa tahun.

Perkara tersebut diusulkan oleh para penggiat seni ketika sesi Dialog Industri Kreatif FINAS x FDAM bersama Penggiat Industri Kreatif 9N Karyawan FINAS, 12-13 Julai 2024 10.30am.

Menurut Pengerusi FDAM, **Datuk Afdlin Shauki Aksan**, pelaksanaan semula Padu Citra adalah penting dalam melindungi industri seni.

“Secara tidak langsung ia turut membantu pihak FINAS dari sudut penerapan regulasi, pangkalan data dan memastikan penggiat seni betul yang mahu bekerja di dalam industri ini diwakili persatuan yang betul.

“Pemansuhan Padu Citra membuatkan siapa pun dari negara luar boleh bergelar pengarah filem, kru produksi, pelakon dan sebagainya kerana undang-undang itu sudah tiada. Sedangkan di bawah Padu Citra sebelum ini siapa sahaja yang mahu menjadi pengarah filem diwajibkan menjadi ahli FDAM terlebih dahulu,” kata beliau.

Tambahnya, melalui syarat Padu Citra mana-mana penggiat seni dari luar yang mahu bekerja di dalam negara ini haruslah menjadi ahli persatuan sama ada FDAM, Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA) mahupun Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN).

“Dengan cara ini juga kita menjaga pelaburan kerajaan agar duit tidak keluar ke tempat lain sekali gus memastikan industri kreatif hiburan tempatan menjadi industri bernilai tinggi.

“Kalau tidak, sampai bila-bila pun industri seni ini akan dilabel sebagai sektor yang tidak menyumbang kepada ekonomi serta pendapatan kasar dalam negara di mana kegagalan ini adalah disebabkan semua



perkara tidak dilaksanakan mengikut sistem yang betul,” ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) FINAS, **Datuk Azmir Saifuddin Mutalib** berkata pihaknya sedang meneliti cara pelaksanaan Padu Citra yang terbaik dalam tempoh yang singkat.

“Saya sendiri pernah dikunjungi oleh persatuan-persatuan di mana kita membincangkan mengenai satu mekanisme terbaik dalam mewajibkan setiap mereka yang terlibat dalam produksi untuk menjadi ahli persatuan.

“Saya terima baik segala cadangan namun dari segi pelaksanaannya belum boleh diuar-uarkan lagi kerana kita tidak mahu ia dilaksanakan secara terburu-buru dan paksaan. Kalau boleh kita

mahu mereka yang menjadi ahli ini di atas kerelaan mereka sendiri yang memandang tinggi terhadap persatuan ini.

“Kami juga cakna mengenai kepentingan kebajikan semua individu di dalam industri ini namun kita sedang merangka cara terbaik untuk mendekati mereka seterusnya menjadi ahli persatuan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Azmir turut menekankan agar syarikat mematuhi undang-undang sedia ada yang mewajibkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). “Kita faham terdapat situasi di mana pekerja diambil secara kontrak berdasarkan projek dan untuk keadaan tersebut dinasihatkan individu terlibat untuk melakukan caruman sendiri.

“Kalau bagaimanapun, dalam kaedah di bawah FINAS kita mahu setiap produser yang memperoleh dana FINAS untuk mencarum buat semua pekerjanya termasuk mereka yang diambil secara kontrak.

“Saya juga berharap pada tahun 2025 semua projek di bawah Sijil Perakuan Penggambaran (SPP) perlu ada PERKESO, SOCSO dan insurans di mana semua warga kerja akan dilindungi,” ujarnya.

Tambahnya lagi, dana latihan juga akan diteruskan kerana dalam usaha untuk membawa industri ini ke arah lebih tinggi latihan tidak boleh diketepikan.

“Latihan dan dana perlu seiring. Kalau FINAS terima

yang diterima adalah dua kali ganda melibatkan penggiat seni serta orang ramai manakala segmen apresiasi filem kita menerima 300 penonton melebihi sasaran ditetapkan iaitu seramai 150 orang sahaja. Untuk sesi *masterclass* yang disampaikan oleh empat *speaker* berpengalaman pula kita hadkan kepada 30 hingga 35 peserta sahaja meskipun yang hadir adalah ramai.

“Manakala sesi uji bakat terbuka menerima sambutan luar biasa. Sepatutnya ia berakhir pada pukul 4 petang namun kita anjakkan sehingga pukul 9 malam sekali gus menunjukkan bahawa industri kita tidak pernah kering daripada bakat baharu cumanya mereka memerlukan platform bagi menonjolkan kelebihan tersebut dan kita buka peluang ini secara percuma,”

katanya yang ditemui ketika Konvensyen FDAM 2024 bertempat di FINAS, Hulu Klang baru-baru ini.

Khair berkata penggiat industri diibaratkan sebagai pedagang bebas (*freelance*) bekerja sendiri dan perlu mencari projek sekiranya tidak, mereka tidak akan menjalankan sebarang penggambaran.

“Justeru itu, kita turut mengadakan sesi *pitching* dan *business matching* di sini. Kita bawa stesen televisyen dekat kepada pengarah-pengarah. Peluang itu lebih besar dan terbuka daripada mereka perlu menunggu *pitching time* yang hanya dikeluarkan pada bulan tertentu sahaja.

“Dalam masa yang sama, kita juga dapat melatih mereka cara yang betul untuk *pitching* serta mempromosi projek yang mereka ada kepada penerbit. Sebenarnya idea *pitching* ini bukan sahaja tertakluk kepada penerbit atau pengarah malah ia juga boleh diaplikasikan dalam pemilihan pelakon di mana di luar negara ia adalah satu perkara yang biasa namun ia adalah benda baru buat penggiat seni di Malaysia.

“Tom Cruise yang terkenal itu juga perlu melalui uji bakat terlebih dahulu untuk mengetahui sekiranya dia sesuai untuk bawa watak itu atau tidak tetapi di Malaysia kalau kita buat benda yang sama, pelakon akan mula pertikai. Tidak semua tetapi ada. Sebab itu kita menitikberatkan sesi bacaan skrip (*script reading*) kerana di situ pengarah dapat kenal pasti sejauh mana pelakon tersebut bersedia untuk membawa watak tersebut,” ujarnya.

peruntukan sebanyak RM10,000 duit dana, latihan lebih kurang 10 ribu juga akan diatur. Ia perlu seiring,” jelasnya.

Terdahulu, sesi Dialog Industri Kreatif merupakan antara tujuh agenda utama bersempena Konvensyen FDAM 2024 yang menampilkan ahli panel berpengalaman dan berpengaruh dalam industri perfileman seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Azmir Saifuddin; Ketua Pegawai Eksekutif Content Forum Malaysia (CMCF), Mediha Mahmood dan Pengerusi FDAM, Datuk Afdlin Shauki Aksan.

CAPAI OBJEKTIF

HARI Terbuka FDAM dilihat berjaya mencapai objektif awalnya apabila jumlah pengunjung yang hadir mengikuti setiap sesi adalah dua kali ganda daripada sasaran yang ditetapkan.

Menurut Timbalan Pengerusi FDAM, **Khair Mohd Noor**, buat julung kalinya FDAM bekerjasama dengan Finas bagi menganjurkan Program Konvensyen FDAM 2024.

“Alhamdulillah kita telah mencapai sasaran yang mana pada awalnya konvensyen ini diadakan dengan empat intipati program sahaja iaitu sesi *townhall*, *masterclass*, wayang pacak dan apresiasi filem namun setelah berbincang dengan pihak atasan, mereka tambah lagi tiga program iaitu *business matching*, uji bakat terbuka dan *pitching* menjadikan kesemuanya tujuh agenda sebagai pengisian utama.

“Sasaran awal bagi sesi Dialog Industri Kreatif adalah seramai 300 namun kehadiran



KHAI MOHD NOOR

Garis lima perkara penting

Brickfields model bandar selamat KL

AZLAN ZAMBRY

USAHA yang dilaksanakan bagi mencapai agenda CHASE City seperti yang digagaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr **Zaliha Mustafa** dirintis menerusi pemukiman pembentukan jawatankuasa wawasan masyarakat.

Ketua Pegawai Perancang Bandar merangkap Urusetia LA21 Kuala Lumpur, **Norazmin Adibah Othman** berkata komuniti bersepat dan bersetuju wawasan masyarakat bagi program bandar selamat dengan moto Brickfields Towards A Safer, Vibrant, Inclusive & Sustainable City.

“Ia menggariskan lima perkara iaitu Selamat Untuk Mobiliti dan Aksesibiliti; Selamat Untuk Penggunaan Ruang Awam; Selamat Untuk Komuniti, Wanita dan Kanak-Kanak; Selamat dan Mesra Alam Sekitar dan Selamat Untuk Perniagaan & Pelaburan,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Norazmin berkata objektif bandar selamat ini bagi membentuk komuniti yang bersama-sama memainkan peranan untuk mencapai persekitaran bandar yang selamat merangkumi pelbagai aspek.

“Antara perkara yang menjadi fokus adalah penambahbaikan dan pemantauan penyelenggaraan



PEMEGANG taruh dan komuniti Brickfield mengadakan pemukiman untuk mencapai sasaran bandar selamat.

infrastruktur, mengurangkan aspek risiko kemalangan, meningkat keselamatan lalu lintas, meningkatkan aksesibiliti dan keselamatan orang kurang upaya (OKU),” katanya.

Beliau berkata Local Agenda 21 KL menggunakan pendekatan dari bawah ke atas melibatkan usaha komuniti bersama-sama pihak berkepentingan dari aspek komunikasi dan interaksi antara

komuniti penduduk atau badan bukan kerajaan (NGO) setempat.

“Pihak berkepentingan dan pihak berkuasa dijemput menganggotai Jawatankuasa Bandar Selamat LA21. Ia bertujuan untuk bersama-sama mencari kaedah menangani isu-isu setempat selain mengemukakan cadangan dan seterusnya mengambil tindakan secara bersama.

“Melalui pemukiman dan mesyuarat input pemegang taruh direkod dan dibincang bersama Jabatan DBKL yang bertanggungjawab serta turut bersama-sama membincangkan aktiviti atau program yang boleh dilakukan untuk kebaikan dan keselamatan penduduk Brickfields,” katanya.

Menurut Norazmin, antara langkah keselamatan khusus atau

penambahbaikan infrastruktur yang telah diperkenalkan di Brickfields adalah menambah baik dan membina laluan serta siar kaki yang lebih selamat dan memasang pagar anti panjat di lokasi bersesuaian.

“Selain itu, pihak berkuasa turut memasang cermin keselamatan di tempat yang ada bank, memasang lampu jalan yang terang di lorong belakang kedai, memasang bollard untuk menghalang kenderaan parkir di atas siar kaki.

“Jawatankuasa ini turut membina pondok polis di NU Sentral, membina bonggol jalan untuk memperlambatkan kenderaan, meminta pihak polis atau agensi yang melaksanakan penguatkuasaan mengadakan rondaan yang kerap bagi mengurangkan kadar jenayah,” katanya.

Ujarnya, melalui usaha berkenaan kadar jenayah telah berkurangan dengan drastik khususnya jenayah berat menjadikan kawasan itu lebih selamat berbanding sebelum ini.

“Melalui program-program kesedaran serta pembabit aktif komuniti yang prihatin telah memainkan peranan dalam mengambil berat terhadap kawasan setempat sekali gus berjaya mewujudkan suasana persekitaran bandar selamat,” katanya. 

Bengkel pendidikan seni visual bantu calon SPM

BAGI memenuhi keperluan pelajar seni, Pustaka Kuala Lumpur (PKL) menganjurkan bengkel pendidikan seni visual percuma untuk membantu calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini.

Ketua Pustakawan PKL, **Anita Mohd Jali** berkata objektif utamanya ialah untuk memberi peluang kepada para pelajar yang akan menduduki kertas PSVMA / PENDIDIKAN SENI VISUAL / 2611 mendapat tunjuk ajar dan tips untuk menjawab kertas tersebut.

“Pihak kami mendapati amat kurang kelas bimbingan untuk subjek ini, dan kalau ada pun ia berbayar dan tidak ramai pelajar yang mampu untuk menyertainya.

“Kebanyakan bengkel menjawab soalan peperiksaan

SPM bertumpu kepada subjek teras seperti Matematik, Sains, Bahasa Malaysia, dan Sejarah. Justeru itu kali ini

pihak perpustakaan mengambil inisiatif untuk memberi peluang kepada mereka mendapat pendedahan secara profesional,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Jelas Anita bengkel yang julung kali diadakan itu disertai 70 pelajar dari sekolah sekitar Kuala Lumpur dan dilaksanakan secara kerjasama dengan Persatuan Seni Rupa Malaysia (PeRUPA) yang mewakili pelukis-pelukis sepenuh masa dan pakar akademik dalam bidang seni.

Menerusi bengkel ini, para peserta juga diberi peluang untuk mendapat tunjuk ajar daripada dua orang pensyarah dari Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti



PELAJAR menunjukkan lukisan yang dihasilkan menerusi bengkel tersebut.

Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam yang mempunyai kelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di dalam bidang seni.

“Selain itu, pelajar turut mendapat penerangan mengenai peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang seni di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan juga peluang pekerjaan yang boleh diceburi oleh mereka pada

masa hadapan.

“Para peserta berpeluang menimba ilmu dan belajar kemahiran melukis dengan pelukis sebenar (practitioners) supaya lebih nampak hala tuju mereka dalam bidang ini.

“Selain itu, modul seni visual yang eksklusif dan inklusif daripada dua pensyarah seni untuk membantu peserta calon

SPM mengikut standard penilaian SPM yang sebenar untuk kertas PSV/2611,” katanya.

Beliau turut menaruh harapan agar peserta dapat memanfaatkan peluang yang diberikan lebih-lebih lagi ia adalah kali pertama diadakan.

“Sebagai sebuah perpustakaan yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, kami sentiasa mengadakan pelbagai program untuk dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat yang rancam keperluannya,” katanya.

Dalam pada itu, Presiden PerUPA, **Irwan Idris** berkata kehadiran dua pensyarah berkelulusan PhD untuk membantu pelajar SPM adalah bagi memberi dimensi baharu terhadap pendidikan seni visual dan membawa gaya pengajaran seperti di IPT.

Katanya, pelajar-pelajar memerlukan kaedah pengajaran baharu berikutan elemen kreatif ini dapat dibentuk selari dengan keperluan pihak tenaga pengajar sekiranya mereka berminat untuk melanjutkan pelajaran ke IPT. 



ANITA



IRWAN

Cabaran terletak di bahu Fahmi Fadzil



ZULKIFLI SULONG

KEKALAHAN calon Pakatan Harapan (PH) daripada Parti Keadilan di Sungai Bakap telah memberikan pengajaran besar kepada Kerajaan Perpaduan atau Kerajaan Malaysia MADANI.

Pengajaran yang paling besar adalah kepada Keadilan sendiri. Ini kerana, setelah beberapa siri Pilihan Raya Kecil (PRK), Keadilan yang buat pertama kali mewakili Kerajaan Perpaduan telah tewas.

Sebelum ini, calon dari komponen lain yang mewakili Kerajaan Perpaduan semuanya telah menang. Ia bermula dengan PRK Simpang Jeram dan Pulau yang diwakili Amanah. Kemudian calon UMNO mewakili Dun Pelangai juga menang. Calon daripada DAP juga menang di Kuala Kubu Bharu.

Namun, Keadilan yang menjadi tunggak utama Kerajaan Perpaduan telah tewas di Sungai Bakap. Sebelum itu, UMNO juga tewas di Kemaman.

Untuk menyalahkan Keadilan dalam hal ini tidak tepat sama sekali kerana kesemua PRK sebelum ini adalah wakil Kerajaan Perpaduan mempertahankan kerusi yang telah dimenangi sebelum ini dan berjaya. UMNO juga kalah di Kemaman apabila cuba merampas kerusi dari PAS.

Apa yang berlaku di Sungai Bakap adalah Keadilan cuba merampas kerusi yang dimenangi Perpaduan Nasional (PN) sebelum ini dan tidak berjaya. Maknanya status quo kekal bukan kehilangan apa-apa.

Namun dari segi moralnya, pimpinan dan penyokong Keadilan sudah pasti terasa dengan kekalahan ini selepas buat pertama kalinya menyertai PRK mewakili Kerajaan Perpaduan.

Jaminan dan janji yang diberikan oleh Pengarah Komunikasi Keadilan dan Pakatan Harapan yang juga Menteri Komunikasi Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil sudah pasti menjadi fokus pelbagai pihak selepas ini.

Fahmi berkata beberapa pengubahsuaian akan dilaksanakan melibatkan penyampaian maklumat mengenai dasar-dasar baharu kerajaan agar lebih difahami rakyat pelbagai segmen atau latar belakang.

“Usaha menyampaikan maklumat sebanyak mungkin telah kita lakukan, namun sama ada ia difahami rakyat, kita tidak pasti, selain itu ‘counter argument’ isu pembangkang juga kita perlu teliti semula, kita ambil kira pandangan parti, jentera di bawah untuk kita lakukan perubahan ini,” kata Fahmi selepas calon PH tewas di Sungai Bakap.

Isunya apa yang Fahmi akan ubah. Sebagaimana yang dijanjikan, Fahmi dipercayai akan berbincang dengan pasukan beliau bagi melaksanakan perubahan ini.

Sebagai Menteri Komunikasi

dan juga Jurucakap Kerajaan, Fahmi adalah pihak yang paling bertanggungjawab, berkuasa dan mampu untuk melaksanakan perubahan ini.

Mari kita lihat apa yang Fahmi ada untuk membuat perubahan ini dan menayakan misi beliau yang amat penting ini iaitu penyampaian maklumat mengenai dasar-dasar baharu kerajaan agar lebih difahami rakyat pelbagai segmen atau latar belakang serta menjawab serangan pembangkang.

Yang pertama, sebagai Menteri Komunikasi, Fahmi berkuasa penuh ke atas jentera komunikasi dan penerangan kerajaan. Kerajaan ada Jabatan Penerangan (Japen), Jabatan Komunikasi Komuniti (JKom), Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan juga Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM). Fahmi juga ada Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang terletak di segenap ceruk negara ini.

Fahmi dipercayai akan melihat dan membedah sepenuhnya apakah kesemua jentera kerajaan yang beliau kuasai itu berjalan sebagaimana yang sepatutnya. Jika tidak, apakah masalah yang berlaku di jabatan-jabatan berkenaan.

Apakah orang yang tepat telah ditempatkan di kedudukan yang tepat bagi membolehkan kehendak beliau dan Kerajaan Perpaduan itu berjalan sebagaimana yang sewajarnya. Apakah orang itu mempunyai roh dan nilai perjuangan yang sama dengan beliau agar ia tidak menjadi umpama paku dengan tukul, sekali ketuk, sekali jalan.

Saya yakin, semua ini telah dan akan diperhatikan oleh Fahmi. Kita juga yakin Fahmi sedar dan tahu mengenainya.

Selain jentera kerajaan, selaku Pengarah Komunikasi Sekretariat Kerajaan Perpaduan dan Pakatan Harapan, Fahmi juga mempunyai jentera parti di bawah beliau. Jentera ini wujud sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) lagi dan ada juga yang dibentuk selepas PRU.

Pusat Media Pakatan Harapan ditubuhkan pada Julai 2023, iaitu beberapa bulan sebelum PRU yang lepas. Pusat Media ini menggabungkan kesemua aktivis media dari parti Keadilan, DAP dan Amanah selain Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) dari Sabah.

Selain mempunyai laman berita dan video, pasukan ini juga mempunyai pasukan media siber yang kuat. Mereka menguasai *Twitter* (kini *X*), aktif di *TikTok*, *Facebook*, *YouTube*, *Instagram* dan lain-lain lagi. Pasukan inilah yang berjaya menewaskan pasukan PN dan BN yang mempunyai jentera media sendiri di samping disokong sepenuhnya oleh jentera komunikasi dan penerangan dari kerajaan sebelum ini. Kalau hendak diberikan kredit, pasukan inilah yang menabalkan PH sebagai tunggak utama Kerajaan Perpaduan sekarang.

Selepas terbentuknya Kerajaan Perpaduan, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan Media Perpaduan. Hampir kesemua menteri kanan menyertai acara ini termasuk

timbangan perdana menteri. Pasukan ini menggabungkan pasukan media dari PH dan pasukan media dari BN.

Dengan diketuai oleh Pengarah Komunikasi UMNO, Datuk Lokman Nor Adam, pasukan ini telah bermesyuarat saban minggu bagi membincangkan apa yang mereka perlu buat untuk menjelaskan dasar-dasar baharu kerajaan, menjawab serangan pasukan pembangkang dan menyerang semula musuh politik Kerajaan Perpaduan.

Melihat kepada kedua-dua pasukan media ini, Fahmi sebenarnya mempunyai pasukan yang sangat kuat. Beliau ada pasukan dari dalam dan pasukan dari luar kerajaan.

Lalu benarlah apa yang dikatakan oleh Fahmi, usaha menyampaikan maklumat sebanyak mungkin telah dilakukan, namun sama ada ia difahami rakyat, ia tidak pasti, selain itu *counter argument* isu pembangkang juga perlu diteliti semula serta ambil kira pandangan parti, jentera di bawah untuk lakukan perubahan.

Kita yakin, sebagai ahli politik yang naik ke atas dari bawah, Fahmi tahu apa yang beliau perlu lakukan bagi memastikan Kerajaan Perpaduan tidak menjadi kerajaan Rishi Sunak di Britain yang tewas besar dalam PRU baru-baru ini.

TULISAN ini sekadar pandangan dari seorang penulis yang memerhati dan meneliti perkembangan media dan komunikasi negara.

Halang laluan pejalan kaki



Malaysia paling disayangi

TAHNIAH dan syabas kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang giat menjalankan operasi serta bertindak terhadap para peniaga yang menghalang kawasan awam di ibu negara seperti laluan pejalan kaki.

Laluan pejalan kaki atau siar kaki membawa maksud jelas ia adalah tempat orang awam lalu-lalang, baik di kaki lima bangunan atau rumah kedai, bahu jalan mahupun di kawasan laluan di stesen pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT) atau Aliran Transit Massa (MRT).

Sesuai dengan matlamat laluan tersebut untuk kemudahan pergerakan orang awam, kawasan berkenaan mesti sentiasa dipastikan lapang.

Namun daripada pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, laluan yang sepatutnya memudahkan orang awam sebaliknya menjadi masalah kepada mereka. Laluan diambil alih dan dijadikan kawasan milik sendiri oleh peniaga atau penjaja yang tidak bertanggungjawab.

Kebanyakan peniaga atau penjaja sesuka

hati menceroob dengan mendirikan gerai, memasang kanopi atau meletakkan kerusi meja. Kerana itu orang ramai mengelak terus melalui laluan yang disediakan untuk mereka.

Sudah tentu ini menyusahkan serta menimbulkan rasa marah. Pemandangan menyakitkan mata ini boleh dilihat di banyak tempat di ibu negara di mana para peniaga memonopoli kawasan yang tidak dibenarkan berniaga.

Peraturan DBKL jelas melarang peniaga dan penjaja berurus niaga di tempat tidak dibenarkan apatah lagi memonopoli kawasan siar kaki dan laluan awam.

Peringatan sering diberi oleh DBKL untuk mematuhi peraturan atau lesen ditarik balik. Namun segelintir peniaga tetap degil berniaga sesuka hati.

Perlu diingat kawasan laluan ini juga direka bentuk dengan tanda tertentu untuk memudahkan pergerakan orang kurang upaya (OKU), terutama cacat penglihatan. Oleh itu, bertimbang rasalah. Diharap DBKL akan terus bertindak tegas terhadap mereka yang degil.

KASIH sayang atau rasa cinta tidak boleh dipaksa atau dipaksakan kepada orang lain. Sebaliknya ia terbit daripada hati sehingga membenihkan kemesraan setelah mengenali hati budi masing-masing.

Tetapi kawan-kawan Kedai Kopi bukan membicarakan isu cinta antara teruna dara. Yang ingin diutarakan ialah kasih dan cinta orang luar terhadap Malaysia sehingga meletakkan negara ini di tangga pertama bagi kategori negara paling disayangi di Asia.

Kedudukan ini mengatasi 20 negara Asia lain berdasarkan penyelidikan oleh Insider Monkey, sebuah portal antarabangsa. Malaysia meninggalkan Taiwan di tangga kedua, Singapura di tangga ketiga, Jepun di tangga keempat dan Korea Selatan tangga keenam. Thailand dan Indonesia masing-masing pada tangga ke-11 dan ke-12.

Tentunya Malaysia disayangi kerana pelbagai keistimewaan yang dimiliki dan ditawarkan. Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, ciri utama ialah semangat perpaduan dan kemesraan yang dipamerkan oleh rakyat pelbagai kaum negara ini terhadap negara luar sehingga mereka jatuh hati.

Selain itu, tidak kurang penting ialah nama Malaysia harum di peringkat antarabangsa dengan kedudukan politik yang stabil serta tahap sosioekonomi yang mantap. Pelbagai kaum membentuk kepelbagaian budaya yang unik.

Malaysia juga memiliki pelbagai tarikan pelancongan memikat hati dari Perlis hingga ke Sabah. Juga tidak lupa terdapat pelbagai jenis makanan yang melambangkan identiti setiap kaum. Ini sesuatu yang jarang terdapat di negara lain.

Kawan-kawan Kedai Kopi bangga dengan kejayaan Malaysia muncul negara paling disayangi di Asia. Bukan mudah menempa nama mencapai tahap ini melainkan dengan usaha bersungguh-sungguh serta komitmen tinggi sekalipun menghadapi saingan hebat daripada negara popular lain di Asia.

Iktibar yang boleh diambil daripada pengiktirafan ini ialah jika orang luar begitu menyayangi negara ini, kita warganegara mesti berkali-kali ganda kasihnya pada bumi tempat tumpah darah. Peliharalah keamanan, kesejahteraan dan kejayaan yang dinikmati agar negara tercinta ini terus maju jaya.

Sesekali teringat rock kapak



KU SEMAN KU HUSSAIN

KETIKA lagu rock yang disebut sebagai rock kapak melanda negara ini pada tahun 1980-an hingga 1990-an, saya sudah berada di Kuala Lumpur. Sebagai sebuah kota metropolitan yang menjadi tumpuan dari segenap pelosok, Kuala Lumpur menjadi pusat berkembangnya sesuatu jenis muzik yang kemudiannya merebak ke seluruh negara.

Penularan sesuatu lagu ketika itu dibawa oleh radio dan televisyen sahaja. Selepas mendapat sambutan di Kuala Lumpur, barulah kaset-kaset cetak rompak diedarkan ke tempat-tempat lain. Tahun 1980-an adalah kemuncak kegiatan cetak rompak hingga terpaksa dilawan oleh karyawan sendiri seperti dalam filem *Kembara Seniman Jalanan* (1986) arahan Nasir Jani.

Populariti lagu rock kapak telah membentuk gaya hidup dan yang paling ketara sekali dapat dilihat daripada fesyen pakaian remaja ketika itu. Seluar ketat, baju T berlogo tengkorak, ada juga hanya memakai singlet dan semestinya rambut yang panjang mengerbang serta kasut kanvas.

Maka Kuala Lumpur pun penuh dengan anak muda yang perasan diri mereka sebagai rockers, ke hulu ke hilir di sana sini. Malah sukar hendak dibezakan antara kumpulan muzik rock atau peminat. Masa yang sama juga lahir begitu banyak kumpulan rock, ada yang hebat dan tidak kurang juga yang sebaliknya. Banyak juga selepas menerbitkan satu album terus lesap.



FILEM *Kembara Seniman Jalanan* mengisahkan kegiatan cetak rompak yang giat diperangi pada era 80-an. - Gambar hiasan

Lalu yang menjadi latar pada kehidupan saya dan rakan-rakan yang berusia 20-an ketika itu adalah lagu rock kapak. Ibarat sebuah pementasan dan lagu rock kapak menjadi muzik latarnya. Lagu-lagu itu mempunyai pertautan dengan kehidupan generasi muda pada masa itu.

Hingga kini apabila terdengar lagu rock kapak, saya segera terhantar ke perdu masa lalu antaranya pengalaman menjalani kehidupan di Kuala Lumpur, berlari mengejar bas mini, berasak-asak macam sardin dalam bas kecil yang lajunya macam lipas kudung. Selain itu sangat tebal ingatan bersiar-siar di Dayabumi antara bangunan yang menjadi mercu tanda Kuala Lumpur.

Maka lagu rock kapak itu sendiri sangat berkait dengan

cebis-cebis kenangan dan ingatan generasi pada era itu. Malah mengingatkan kembali era gemilang Central Market sebagai port anak-anak muda dari pelbagai bidang seni bertemu dan membuat acara seni.

Lagu rock kapak juga mengembalikan ingatan manis saya pada acara yang diadakan oleh rakan-rakan seniman jalanan, membaca puisi bawah tiang lampu berdekatan Central Market. Sekalipun acara baca puisi itu tidak diselitkan lagu rock kapak, tetapi ingatannya terkait kerana rock kapak adalah latar pada zaman itu.

Bagaimanapun sebaik sahaja melangkah ke alaf baharu tahun 2000, secara perlahan-lahan rock kapak menghilang dan tenggelam. Banyak kumpulan muzik rock juga ikut hilang daripada radar. Kini lagu rock kapak sudah hilang sepenuhnya dalam kehidupan sosial anak muda.

CEBISAN KENANGAN

MALAH yang dulunya anak muda menjadi peminat rock kapak kini sudah mempunyai anak remaja, bahkan banyak yang sudah bercucu. Masa terasa begitu pantas meninggalkan garis ingatan masa lampau dan berada pada zaman yang baharu. Demikianlah hakikat kehidupan, zaman bergerak ke depan dan yang tinggal hanya ingatan dan kenangan.

Kini banyak dalam kalangan peminat rock kapak tidak lagi berambut panjang mengerbang,

sebaliknya berubah mengikut gaya semasa, berambut pendek dan kelihatan lebih kemas. Mengubah dan diubah adalah dua perkara yang silih berganti dalam semua kehidupan.

Bagaimanapun ingatan, perasaan dan kenangan yang tercetus pada zaman gemilang rock kapak itu tidak pernah hilang. Kepada golongan yang



pernah melalui zaman muda ketika kemuncak lagu sedemikian, lagu rock kapak ada terselit pada banyak cebisan kenangan.

Lagu-lagu itu sentiasa mengingatkan segala peristiwa yang berlaku ketika alam Kuala Lumpur bergema dengan rock kapak. Di mana-mana tidak kira tempatnya rock kapak menjadi latar pada semua peristiwa. Ada yang manis malah tidak kurang juga pahitnya, rock kapak adalah latarnya.

Maka antara lagu yang menjadi identifikasi zaman seperti *Fantasia Bulan Madu* (Search), *Rozana* (Search), *Cinta Buatan Malaysia* (Bum Putra Rockers), *Umpama*

Mimpi Dalam Mimpi (Damasutra), *Antara Gadis* (Ilusi), *Di Halaman Rindu* (Lefthanded), *Masih Aku Terasa* (Gersang), *Suratan Takdir* (Gersang) terus dalam ingatan mereka yang pernah mendengar walaupun hanya sekali.

Sekalipun lebih 30 tahun berlalu, mendengar semula antara lagu-lagu di atas, adalah mengingatkan kembali latar zaman yang terangkum antara manusia dan peristiwa. Bukan sahaja ingatan pada merdunya lagu dan indahnyanya lirik, akan tetapi segala pengalaman dan rentetan hidup yang dilalui pada garis masa itu.

Sebenarnya pada semua era ada lagu-lagu yang menjadi latar peristiwa atau kenangan dan terus melekat di ingatan mereka yang pernah mendengarnya. Misalnya mereka yang pernah melalui fasa kehidupan era lagu pop 1960-an atau pop yeh-yeh, lagu itu juga tidak pernah terpadam.

Maka timbul persoalan, kenapa ada lagu yang pernah didengar suatu masa yang lama dulu terus diingati bersama-sama peristiwa yang berlaku dalam hidup kita?

Tidak semua orang meminati lagu rock kapak, tetapi apabila mendengar kembali lagu itu ada kenangan lain yang turut terkait.

“Muzik sememangnya sesuatu yang sangat terkait dengan identiti individu yang membuatkan mereka mengenal muzik yang pernah didengar. Selalunya muzik atau lagu pada zaman muda yang mencetuskan apa yang disebut sebagai *bonjolan kenangan* (*reminiscence bump*) dalam ingatan masa kini,” kata Dr Kelly Jakubowski seorang Profesor Psikologi Muzik di Universiti Durham di United Kingdom.

Beliau menambah orang dewasa mempunyai ingatan yang sangat baik pada lagu-lagu tertentu ketika muda dan boleh mengembalikan ingatan dari tempoh masa itu. Hal itu kerana muzik bukan sahaja didengar, tetapi juga ‘dilihat’ daripada bayangan imejan yang disampaikan pada perasaan seseorang. Perasaan yang mampu melihat imejan muzik itulah yang membuatkan sesuatu lagu kembali dalam ingatan.

Sebenarnya muzik atau lagu mempunyai keupayaan yang luar biasa untuk membangkitkan semula ingatan dan perasaan yang lalu. Kuasa muzik itu boleh membawa pendengar menziarah masa lalunya tanpa dirasakan oleh individu yang tidak melalui zamannya.

Rock kapak yang terus segar dalam ingatan membuktikan lagu adalah sumber nostalgia yang amat lazim dan berpengaruh. Mengingati masa lalu adalah baik daripada aspek psikologi antaranya untuk meminjam inspirasi daripada garis masa ketika melalui zaman muda.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 270 . 12 - 18 JULAI 2024



AUTISME *berhak bahagia*

► 10-11

Usah tunggu sampai terlewat

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

AUTISME atau *Autism Spectrum Disorder* (ASD) adalah gangguan perkembangan saraf yang mempengaruhi kemampuan seorang kanak-kanak di dalam interaksi sosial, tingkah laku dan cara berkomunikasi.

Kajian mendapati satu daripada 160 kanak-kanak di dunia menghadapi sindrom autisme. Tidak ada punca tunggal yang diketahui untuk gangguan spektrum autisme tetapi secara amnya diterima bahawa ia adalah disebabkan keabnormalan struktur otak atau fungsinya.

Tidak dinafikan autisme bersifat spektrum di mana setiap kanak-kanak autisme umpamanya akan mempamerkan ciri-ciri yang berlainan dan perkembangan berbeza-beza.

Di Malaysia, tahap kesedaran tentang autisme semakin meningkat dengan adanya ibu bapa yang bertindak menghantar anak mereka menjalani pemeriksaan seawal usia setahun apabila mendapati perkembangan si anak tidak seiring dengan peringkat usia.

Pakar Psikiatri yang juga Penolong Profesor Jabatan Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Dr Rozanizam Zakaria** berkata umumnya autisme dapat dikenal pasti ketika kanak-kanak berusia tiga tahun kerana pada tempoh tersebut gejala lebih mudah dikesan.

“Sekiranya pada usia tiga tahun seorang kanak-kanak masih belum dapat bercakap serta tidak boleh bergaul dengan orang lain, ada kemungkinan besar dia mengalami autisme.

“Namun ada ibu bapa yang tidak tunggu hingga anak berusia tiga tahun. Sebaliknya mereka terus membawa anak berjumpa pakar apabila melihat perkembangan anak agak lambat berbanding kelaziman,” ujarnya.

Menurutnya, ciri-ciri lain individu yang mengalami autisme adalah termasuk cepat hilang tumpuan, tidak menunjukkan sebarang respons apabila dipanggil selain suka bersendirian.

“Keadaan ini memberikan cabaran kepada mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Memang ada orang melihat kanak-

kanak autisme sebagai terencat akal atau cacat mental tetapi mereka sebenarnya mempunyai potensi besar untuk menjalani kehidupan dengan lebih optimum jika dibantu sedari awal.

“Sebagai contoh, sekiranya anak itu lambat bercakap, kita boleh melatih mereka dengan terapi yang sesuai bagi memastikan mereka mempunyai kebolehan bercakap sebelum berusia tujuh tahun dan tidak mustahil apabila menginjak dewasa mereka akan terlihat seakan individu biasa,” ujarnya.

Rozanizam berkata menurut *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* (DSM-5), autisme boleh diklasifikasikan kepada tiga tahap iaitu tahap 1, tahap 2 dan tahap 3.

“Tahap-tahap ini dicirikan mengikut tahap keterukan simptom yang dialami serta tahap sokongan yang diperlukan. Apabila kita tahu anak autisme berada di tahap yang mana satu, kita dapat memahami dengan lebih baik apakah kemampuan mereka serta kesukaran yang mungkin mereka akan hadapi dalam kehidupan seharian mereka.

“Tahap autisme 1 merupakan klasifikasi paling ringan atau juga kadangkala dikenali sebagai autisme berfungsi tinggi. Mereka dalam kategori ini sering kali mempunyai kesukaran dalam komunikasi sosial seperti memulakan interaksi sosial atau untuk melibatkan diri dalam perbualan dengan orang lain walaupun mereka dapat bercakap dalam ayat penuh dan sempurna.

“Selain itu, mereka yang mempunyai autisme tahap 1 juga menunjukkan tingkah laku tidak fleksibel yang menyebabkan mereka tidak selesa dengan perubahan dan mempunyai kemahuan yang tinggi untuk mengikut jadual yang sama dan corak tingkah laku yang berulang. Perkara ini menyebabkan mereka enggan untuk mencuba benda yang baharu serta mempunyai masalah untuk membuat perancangan, akibatnya mereka mungkin sukar untuk berdikari sama seperti rakan seusia yang lain,” ujarnya.

Seterusnya, beliau berkata anak autisme yang menunjukkan kriteria tahap 2 memerlukan lebih banyak sokongan daripada mereka yang

berada di tahap 1.

“Masalah komunikasi sosial dan tingkah laku berulang juga lebih jelas dapat diperhatikan pada anak autisme dalam kategori ini. Mereka lebih cenderung untuk bercakap dalam ayat mudah dan hanya berminat untuk berbual tentang topik yang spesifik. Selain itu, mereka juga mungkin mempunyai kesukaran untuk memahami isyarat sosial dan berkomunikasi secara tidak lisan seperti menggunakan ekspresi muka.

“Masalah tingkah laku tidak fleksibel seperti melakukan sesuatu perkara secara berulang kali dan kesukaran menghadapi perubahan juga lebih ditonjolkan dalam kalangan autisme tahap 2. Hal ini berkemungkinan menyebabkan gangguan untuk mereka menjalani kehidupan seharian.

“Tahap 3 pula merupakan tahap autisme yang paling serius dan lebih ekstrem kerana mereka sering kali tidak dapat berkomunikasi secara verbal ataupun hanya

menggunakan beberapa perkataan yang berfungsi. Mereka juga menunjukkan interaksi sosial yang sangat terhad serta mungkin tidak normal dan hanya untuk mencapai keperluan semasa. Perkara ini menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk bermain dengan rakan yang lain dan untuk membina hubungan bersama orang sekeliling.

“Seterusnya, anak autisme tahap 3 juga amat sukar untuk menerima perubahan dalam rutin dan persekitaran mereka serta untuk bertukar fokus dari satu perkara ke satu perkara yang lain. Mereka juga menunjukkan corak tingkah laku yang berulang yang akan menjejaskan keupayaan mereka untuk berfungsi dalam aktiviti seharian.

“Namun begitu, harus juga diperingatkan bahawa ciri-ciri tersebut adalah umum dan mungkin tidak dapat meliputi kesemua gejala khusus yang ditunjukkan oleh anak autisme serta keperluan dan keperibadian mereka yang semestinya akan berbeza-beza daripada satu individu ke satu individu yang lain,” jelasnya.

Beliau berkata ibu bapa atau penjaga memainkan peranan penting untuk mengenal pasti dan memahami kategori anak autisme mereka agar sokongan yang sesuai dapat diberikan untuk mereka menjalani kehidupan seharian.

“Masyarakat juga harus saling menyokong ibu bapa yang mempunyai anak autisme. Ambil tahu mengenai autisme dan bagaimana kita boleh membantu. Jika kita sebagai ibu bapa dapat melihat, merasa atau terdetik hati

dengan tindakan luar kebiasaan anak, dapatkan nasihat pakar. Usah tunggu sampai terlewat.

“Autisme tidak boleh dirawat kerana ia bukan penyakit. Namun, tindakan mereka boleh diperhalusi dengan intervensi awal. Oleh itu, amat penting untuk mendapatkan pandangan pakar untuk memeriksa atau mendiagnosis anak anda sekiranya terdapat sebarang ciri autisme yang dapat diperhatikan kerana intervensi yang awal dapat membantu anak anda untuk mendapatkan sokongan dan rawatan dengan lebih cepat.

“Saya sentiasa beri nasihat supaya ibu bapa tambah ilmu berkaitan autisme. Ada ibu bapa yang malu ada anak sebegini dan kemudian menyalahkan diri sendiri sebagai punca anak mereka jadi begitu. Mungkin ada yang bertindak mengurung anak di rumah, iaitu tidak dedahkan mereka kepada dunia luar. Bagi saya, ada masa anak ini perlu didedahkan kepada keadaan sekeliling supaya mereka boleh menyesuaikan diri dengan suasana di luar rumah,” ujarnya.

PERLUAS PUSAT TERAPI

KEPERLUAN pembelajaran terhadap kanak-kanak berkeperluan khas semakin diutamakan ibu bapa bagi memastikan anak istimewa ini dapat meningkatkan kualiti hidup mereka.

Oleh itu, Rozanizam menyarankan supaya pihak kerajaan mewujudkan lebih banyak pusat terapi awam untuk anak autisme.

“Inisiatif sedemikian adalah perlu kerana tidak ramai ibu bapa



ROZANIZAM



BAGAIMANAKAH ANDA BOLEH MEMBANTU ANAK AUTISME? PANDUAN KEPADA IBU BAPA DAN GURU



SEDIKAN PERSEKITARAN YANG BERSTRUKTUR DAN SELAMAT

Sentiasa konsisten supaya apa yang dipelajari di sekolah/pusat terapi dapat dilakukan di rumah.

CARI BANTUAN DAN SOKONGAN

Turut serta dalam *support group* supaya dapat berkongsi maklumat dan pengalaman bagi memberi sokongan emosi.

SEDIKAN PELAN PENGENDALIAN INDIVIDU

Dapatkan maklumat berkenaan terapi/rawatan yang sesuai dengan anak.

CARI CARA ALTERNATIF UNTUK BERHUBUNG DENGAN ANAK

Perhatikan klu *nonverbal* yang digunakan oleh anak untuk berkomunikasi seperti bunyi, riak muka.

KAEDAH TERAPI YANG DICADANGKAN



Terapi oleh Jurupuluh Cara Kerja bagi pengendalian masalah integrasi sensori, latihan aktiviti hidup harian dan pengendalian tingkah laku.



Terapi pertuturan dan bahasa bagi pengendalian masalah pertuturan dan komunikasi.



Kaedah *Augmentative and Alternatif Communication* (ACC) bagi membantu kanak-kanak autisme dengan komunikasi terhad/tiada komunikasi.



Kaedah *Antecedent Behaviour Consequence* (ABC) untuk memahami sebab masalah tingkah laku terjadi.



Kaedah *Cognitive Behaviour Therapy* (CBT) untuk pengendalian emosi.

Cipta rutin harian konsisten

MEMBESARKAN anak autisme memerlukan banyak usaha, kesabaran dan kasih sayang kerana keunikan mereka itu adalah anugerah dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT kepada ibu bapa yang terpilih.

Menurut Pakar Psikologi SEGi Universiti, **Profesor Datin Dr Mariani Md Nor**, menjaga anak autisme memerlukan pendekatan yang berbeza dan ia boleh menjadi satu cabaran besar buat ibu bapa lebih-lebih lagi jika merupakan anak sulung.

“Namun terdapat beberapa perkara yang boleh diamalkan bagi membantu ibu bapa yang berada di dalam situasi ini antaranya dengan mencipta rutin harian agar anak berasa lebih selamat dan tenang dengan rutin yang konsisten.

“Cipta jadual harian yang tetap untuk aktiviti, makan dan tidur mereka. Walau bagaimanapun, ada kalanya fleksibiliti juga diperlukan



MARIANI

di mana ibu bapa perlu belajar menyesuaikan diri dengan perubahan yang tidak dijangka kerana setiap anak adalah berbeza dan mereka boleh berubah mengikut keadaan,” katanya.

Selain itu, Mariani berkata ibu bapa juga perlu bijak menetapkan harapan yang realistik terhadap anak-anak serta memahami bahawa perkembangan mereka mungkin berbeza dari anak lain dan raikanlah setiap kemajuan, tidak kira sekecil mana pun.

“Sebagai ibu bapa juga boleh terus memberi fokus kepada kekuatan anak autisme dengan membantu mengembangkan serta menyokong setiap apa yang diminati mereka.

“Tidak dilupakan waktu bersama keluarga adalah penting bagi membina hubungan yang kukuh antara penjaga dan juga anak autisme sekali gus memberi rasa selamat terhadap anak-anak.

“Pastikan anda dan pasangan bekerja sebagai satu pasukan di mana komunikasi terbuka dan sokongan antara satu sama lain adalah yang utama,” ujarnya.

Dalam pada itu, Mariani turut menekankan bahawa sokongan dan bantuan adalah amat penting buat ibu bapa atau penjaga anak autisme.

“Mereka perlu menyedari bahawa mereka tidak bersendirian serta mencari bantuan profesional serta sokongan komuniti. Jika tekanan atau kemurungan menjadi sangat serius, penting untuk mencari bantuan segera daripada profesional kesihatan mental, selain mendapatkan sokongan dari keluarga.

“Dalam kes yang ekstrem, ia boleh menyebabkan masalah kesihatan mental seperti kemurungan atau keletihan yang melampau dan akhirnya mengalami kecelaruan mental. Ini seterusnya boleh meningkatkan risiko berlakunya situasi yang tidak diingini,” ujarnya.

Teringin dengar panggilan daripada anak

PERKEMBANGAN fizikal dan mental setiap kanak-kanak adalah berbeza meskipun ibu bapa sering mengikuti perkembangannya namun masih ramai yang tidak dapat mengenal pasti petunjuk si kecil menghidap autisme.

Situasi sama dilalui **Nur Hazira Abdul Razak**, 32, selepas anak sulungnya Hafiy Solihin Mohamad Saifol disahkan mengalami autisme tahap 2 pada umur tiga tahun.

“Pada mulanya memang tak tahu dia autisme. Kami mula bimbang apabila Hafiy lambat bercakap berbanding dengan tiga orang sepupunya yang sebaya.

“Tidak mahu terus menunggu, saya dan suami bawa Hafiy berjumpa doktor pakar swasta dan ketika itu dia hanya didiagnosis lambat bercakap (*speech delay*) mungkin ketika itu masih kecil. Tanpa berlengah kami terus mulakan *speech therapy* untuk atasinya.

“Namun setelah enam bulan,

doktor mengesahkan Hafiy mengalami autisme kerana simptomnya semakin jelas dan telah dirujuk ke doktor pakar di hospital kerajaan. Dalam masa sama kami teruskan rawatan *speech therapy*, *occupational therapy* serta hantar dia ke Early Intervention Centre berhampiran rumah,” ujarnya.

Berkongsi lanjut, Nur Hazira berkata pada mulanya dia tidak menyangka anaknya adalah insan istimewa dan menganggap hanya tumbesaran sahaja yang lambat sedikit berbanding kanak-kanak seusia.

“Apabila disahkan anak mengalami autisme, saya rasa sedih dan sukar untuk terima kenyataan tapi lama-kelamaan saya reda sebab Hafiy seorang yang penyayang, suka dipeluk dan kurang tantrum jadi saya bersyukur kehadirannya dalam keluarga kami,” kongsi kepada *Wilayahku*.

Tidak dinafikan cabaran buat penjaga yang mempunyai anak-anak autisme adalah besar, Nur Hazira berkata dirinya juga tidak terlepas daripada diuji dan terdapat perbezaan besar dalam menjaga anak normal dan autisme.

“Cabaran paling besar apabila saya cuba fahami anak sebab kita tak tahu apa yang dia suka atau tidak. Kita yang dah rapat je tahu sebab setiap hari hadap benda yang sama, memang penat tapi memerlukan kesabaran yang tinggi. Perbezaan memang sangat ketara kerana anak autisme ini mereka tidak pandai menguruskan emosi sendiri ada hari *feelingless* atau *emotionless*.

“Yang paling berat adalah sampai sekarang Hafiy tak

pernah panggil mama atau papa. Dia tahu mana satu mama dan papa tapi tak pernah panggil, semestinya sedih sebab itu perkara yang semua ibu bapa mahu dengar namun saya percaya semuanya ada hikmah,” ujarnya.

Sementara itu, Penyelia Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Sinar@9 Putrajaya, **Suhana Alam** berkata setiap kanak-kanak autisme mempunyai tahap yang berbeza justeru teknik yang pelbagai juga diperlukan dalam mengendalikan mereka.

“Kanak-kanak autisme perlu bimbingan dan terapi. Sebagai tenaga pengajar kami perlu memberi dan menekankan pemulihan mengikut keperluan OKU itu sendiri. Tenaga pengajar memberi aktiviti yang kreatif dalam menjalankan pemulihan bagi menarik minat. Komunikasi dua hala ini dapat membuahkan peningkatan yang baik.

“Antara terapi yang diperlukan adalah seperti motor kasar, motor halus, renang, terapi pertuturan, terapi carakerja dan berkuda namun perlu ingat bahawa ada juga yang memerlukan ubatan bagi ketenangan dalam pengurusan diri,” katanya yang sudah berpengalaman selama 28 tahun sebagai penjaga kanak-kanak autisme.

Dalam pada itu, Suhana menegaskan kesedaran bermula daripada ibu bapa atau penjaga yang perlu bersama-sama menjalankan pemulihan.

“Di sekolah pula para guru boleh membantu dari segi pemulihan dan aktiviti yang dijalankan. Antara lain, kesedaran boleh dilakukan melalui risalah dan bengkel kesedaran anak-anak autisme di agensi, jabatan, sekolah-sekolah atau komuniti,” jelasnya.

berkemampuan menghantar anak mereka ke pusat terapi swasta yang menuntut perbelanjaan besar. Contohnya seperti Pusat PERMATA Kurnia yang dikendalikan oleh kerajaan untuk kanak-kanak autisme hanya ada dua di seluruh Malaysia iaitu di Kuala Lumpur dan Putrajaya, jadi mereka yang mahu hantar anak jalani program intervensi perlu menunggu giliran yang sangat lama.

“Ramai juga yang bergantung pada terapi di hospital kerajaan yang ada ketikanya hanya tiga bulan sekali sedangkan terapi untuk anak perlu dilakukan secara kerap. Atas sebab itulah ibu bapa kena buat sendiri terapi di rumah, namun bagi yang tiada ilmu dan modal, hal itu agak menyukarkan mereka,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau turut mencadangkan penubuhan pusat sokongan dan kaunseling di kawasan perumahan dan lokasi umum bagi memperluas


akses kepada ibu bapa yang memiliki anak istimewa ini untuk mendapatkan nasihat dan khidmat kaunseling.

“Kewujudan pusat sokongan ini dapat membantu ibu bapa memperoleh sokongan serta bantuan ketika berdepan cabaran membesarkan anak autisme. Hakikatnya menjaga anak istimewa ini memang memerlukan kekuatan dari segi emosi dan fizikal. Kita juga perlukan pusat penjagaan sementara di mana ibu bapa boleh hantar anak mereka ke situ sekejap sementara menyelesaikan urusan peribadi.

“Di Malaysia masih belum ada perkhidmatan begini. Kita tidak boleh hantar anak autisme ke taska kerana selain hanya menerima kanak-kanak bawah umur tujuh tahun, pusat jagaan ini juga kebanyakannya tidak terima mereka kerana golongan ini memerlukan penjagaan lebih rapi,” ujarnya.



SUHANA ketika menjalankan sesi terapi di PPDK Sinar@9 Putrajaya.



Konvensyen FDAM 2024 himpun penggiat seni



SYUQQREE DAIN
Video: **HASIF HALIMI**

KONVENSYEN Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM) 2024 yang berlangsung pada Sabtu lalu mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja daripada penggiat seni malah pengunjung juga tidak melepaskan peluang menyertai aktiviti menarik.

Objektif utama program yang julung kali diadakan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) adalah untuk menyebarkan fungsi-fungsi persatuan yang bernaung di bawah FINAS.

Sesi Dialog Industri Kreatif Finas – FDAM membuka tirai konvensyen dengan menampilkan Pengerusi FDAM, Datuk Afdlin Shauki Aksan; Ketua Pegawai Eksekutif Finas, Datuk Azmir Saifuddin serta Ketua Pegawai Eksekutif Content Forum Malaysia (CMCF), Mediha Mahmood berkongsi hala tuju FDAM bersama pengunjung yang hadir.

Selain itu, pelbagai acara turut diadakan antaranya sesi *business matching*, *masterclass*, apresiasi filem serta wayang pacak LED.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang melawat studio penataan bunyi serta beramah mesra dengan pengunjung yang mencuba nasib pada sesi uji bakat lakonan terbuka. 🎬





Restoran unik diilham daripada tikar mengkuang

DIANA AMIR

Foto: SYUQQREE DAIN

PUTRAJAYA bukan sahaja terkenal sebagai destinasi pelancongan kerana keunikan seni bina bangunannya yang ikonik bahkan kini ia juga menjadi lokasi tumpuan kerana menawarkan tempat makan yang bukan sahaja lazat bahkan selesa untuk dikunjungi.

Salah satu destinasi yang semakin mendapat perhatian ialah Food Valet Putrajaya. Terletak di Presint 4, ia merupakan inisiatif di bawah Perbadanan Putrajaya (PPj).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rosmayudi Yusof**, Food Valet Putrajaya adalah satu-satunya tempat makan berkonsepkan susunan kontena yang pertama di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan tersebut.

“Keunikan Food Valet terselrah di mana bahan binaannya diperbuat daripada kontena dan susunan kontena ini diilhamkan daripada corak tikar mengkuang sekiranya dilihat dari pandangan atas.

“Susunan kontena yang tidak tipikal sebagaimana *food court* lain jelas memberi satu perspektif berbeza yang membawa pelanggan seolah-olah berada di kompleks beli-belah di mana mereka perlu menjelajahi setiap kiosk bagi melihat jenis makanan yang ditawarkan,” katanya.

Rosmayudi berkata Food Valet ini juga dilengkapi dengan kemudahan asas seperti parkir yang luas untuk orang kurang upaya (OKU), kereta, motor, basikal dan bas, surau, tandas serta lobi untuk menghantar dan mengambil pengunjung.

“Di sini kita menampilkan konsep terbuka di mana pelanggan boleh menikmati hidangan sambil menghirup udara segar manakala di sebelah malam pula mereka akan dilimpahi dengan cahaya lampu

yang memberi suasana makan sambil bersantai.

“Selain itu, kita juga menyediakan tiga bilik khas yang boleh disewa di sebelah atas buat pelanggan yang inginkan privasi bagi tujuan meraikan sambutan ulang tahun, mesyuarat, majlis pertunangan dan lain-lain.

“Pelbagai keraian boleh dilakukan di sini tambahan pula dengan persekitaran serta dekorasi di sini yang segar dan moden bersesuaian untuk apa-apa majlis,” jelasnya.

Berkongsi lanjut, Rosmayudi berkata Food Valet menawarkan pelbagai juadah makanan yang popular terdiri daripada menu tempatan dan luar negara.

“Antara makanan popular yang kita bawa masuk adalah Itik Salai Mashthar, Keycap, Sate Baung, API Pizza, Roti Wap dan Asam Pedas Cili Kampung.

“Di kawasan tengah pula akan ada peniaga yang menjual kuih-kuih tradisional sebagai pelengkap hidangan.

“Kita melibatkan seramai lebih 30 peniaga yang terdiri daripada warga Putrajaya dan juga mereka yang berada di sekitar ini,” ujarnya.

Melibatkan kos melebihi RM5 juta tidak termasuk kos penyelenggaraan, Rosmayudi berkata pihak persendirian ZR Binajaya dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara serta menjaga kawasan tersebut.

Melihat kepada trend peningkatan pelancong yang memasuki Putrajaya, Rosmayudi mengharapkan Food Valet turut menerima tempas

tersebut sekali gus membuktikan pusat pentadbiran ini turut menawarkan destinasi makan terbaik seperti di negeri lain.

“Besarnya harapan kami agar Food Valet Putrajaya menjadi sebuah hab makanan popular sekali gus mempromosikan hasil jualan penduduk tempatan ke peringkat yang lebih tinggi.

“Semoga dengan seni bentuk yang lebih moden dan segar ini dapat menarik lebih ramai pelancong ke Putrajaya dan dalam masa sama dapat membantu peniaga mengembangkan ekonomi,” katanya. 



Presint 4 (bersebelahan
Galeria PJH dan Kementerian
Pengangkutan Malaysia)



Isnin hingga Ahad
11:00 pagi sehingga
12:00 tengah malam

Info

SEDEKAH yang diberikan kepada fakir miskin adalah lebih baik disembunyikan. - Gambar hiasan

Nyahaktif budaya mengemis dalam diri

DENGAN nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Pemurah merupakan terjemahan kepada ungkapan dalam Bahasa Arab: Bismillahirrahmanirrahim yang diajar oleh Allah SWT kepada kita umat Islam melalui wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Ungkapan ini memulau setiap surah di dalam Al-Quran, kecuali satu surah sahaja iaitu Surah Al-Taubah.

Ini bermakna penegasan sifat Allah SWT Yang Maha Pengasih dan Pemurah disebut sebanyak 113 kali. Namun jumlah keseluruhan ungkapan ini diulang dalam Al-Quran adalah 114 kali dengan mengambil kira ayat 30 surah Al-Naml. Sifat Pemurah Allah SWT tidak terhitung dan infiniti berbanding manusia yang bersifat terbatas dan terhad dengan pelbagai kelemahan dan kekangan. Sifat Pemurah Allah SWT tiada tolak bandingnya.

Konsep filantropi dalam Islam memerlukan sifat pemurah manusia dalam menjayakannya. Ia terangkum dalam beberapa amalan kebaikan yang digalakkan dalam Islam seperti sedekah, zakat, hibah, hadiah dan wakaf.

Jika ditelusuri dalil-dalil Al-Quran dan hadis, kita digalakkan untuk berlumba-lumba melakukan kebaikan dan berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah* (Sahih Muslim: 1042).

Hadis ini sering mengiringi galakan bersedekah dan infak bagi pembangunan masyarakat

Islam melalui pelbagai aktiviti termasuk pendidikan, perubatan, pembangunan dan fisabilillah.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Bandangan orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji, dan Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah amat luas kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya* (Surah al-Baqarah: 261).

Ayat ini menegaskan bahawa pahala yang bakal diperolehi oleh mereka yang membelanjakan harta di jalan Allah bukan terhad kepada 700 kali ganda malah lebih lagi kerana kurnia Allah SWT tidak terbatas jumlahnya.

Orang-orang yang beriman telah diseru agar membelanjakan sebahagian daripada hasil usaha untuk dikongsi dengan mereka yang berhak dan memerlukan dalam Firman Allah SWT yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu, dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat) padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu) kecuali dengan memejamkan mata padanya, dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa terpuji* (Surah al-

Baqarah: 267).

Seterusnya dalam ayat 271, Allah SWT mengkhabarkan berita gembira kepada orang yang membelanjakan hartanya di mana dosa-dosa dan kesalahan mereka akan diampunkan oleh Allah SWT Yang Maha Mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka dalam kehidupan seharian.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik) dan kalau pula kamu menyembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu memberikannya kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah lebih baik bagi kamu, dan Allah akan menghapuskan daripada kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan* (Surah al-Baqarah: 271).

Dalam ayat tersebut, dinyatakan sedekah yang diberikan kepada fakir miskin adalah lebih baik disembunyikan dan tidak dizahirkan. Antara hikmahnya, ia dapat menjaga maruah para fakir dan miskin serta mengelakkan mereka merasa hina dan aib dengan kekurangan serta kedaifan yang dialami jika ditayangkan kepada khalayak ramai melalui media sosial dan sebagainya.

Di sisi yang lain, Islam tidak menggalakkan budaya meminta-minta atau mengemis, sebaliknya menggalakkan umatnya bekerja keras mencari rezeki serta hidup secara bermaruah dengan memiliki

harta dan membelanjakannya untuk keperluan diri, keluarga dan masyarakat serta negara.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Apabila kamu selesai solat, maka bertebaranlah di muka bumi dan cari rezeki yang telah disediakan oleh Allah SWT* (Surah al-Jumuah: 10).

Ia juga disokong oleh sabda Nabi SAW yang bermaksud: *Salah seorang daripada kamu yang keluar pada waktu pagi lalu memikul kayu di atas belakangnya untuk dijual, kemudian disedekahkan sebahagian daripada jualan kayu dan dengan baki itu dapat mencukupkan keperluannya sehingga dia tidak perlu meminta-minta adalah lebih baik baginya daripada mengemis kepada seseorang sama ada diberi ataupun tidak, demikian itu, tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah, dan mulai dengan orang-orang di bawah tanggunganmu* (Sahih Muslim: 1042).

Selain daripada hadis tersebut, terdapat banyak lagi hadis-hadis yang berkaitan dengan kelebihan berbelanja. Antaranya kelebihan seorang suami yang berbelanja untuk keperluan keluarganya akan mendapat ganjaran pahala yang besar sebagaimana sabda Baginda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Dan dinar yang kamu belanjakan di jalan Allah dan dinar yang kamu berikan kepada hamba (untuk bebaskan), dan dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin serta dinar yang kamu sedekahkan kepada keluargamu, maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu belanjakan kepada keluargamu* (Riwayat Muslim: 995). Lembaran

sejarah Islam telah memaparkan kegigihan para Nabi dan Rasul bekerja membanting tulang mencari rezeki serta menunjukkan contoh teladan kepada para pengikut.

Contohnya Nabi Muhammad seorang penggembala kambing dan ahli perniagaan, Nabi Daud pereka baju besi dan tukang besi, Nabi Nuh pereka kapal dan tukang kayu dan Nabi Ibrahim tukang pahat. Mereka semua mengamalkan kepimpinan melalui teladan.

Justeru, masyarakat Islam perlu rajin bekerja dan mencontohi para nabi dan Rasul yang mulia. Firman Allah SWT (yang bermaksud): *Sesungguhnya pada Rasulullah uswah (teladan/idola/inspirasi) hasanah (yang baik) bagi sesiapa yang mengharap Allah dan hari akhirat dan banyak berzikir kepada Allah* (Surah al-Ahzab: 21).

Kesimpulannya, masyarakat Islam MADANI perlu mempunyai ciri-ciri rajin bekerja, berusaha gigih dan dedikasi dalam melaksanakan apa yang diusahakan, seperti belajar mahupun kerjaya yang dibina serta bercita-cita untuk menjadi kaya agar dapat bersedekah dan mengejar pahala yang dijanjikan oleh Allah SWT.

Umat yang bertamadun perlu menyahaktif budaya mengemis dan mentaliti meminta-minta di dalam diri.

PENULIS merupakan Profesor Madya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Profesor Madya Dr Aizan Ali @ Mat Zin.

Fokus kekuatan bisnes untuk lebih berjaya

AINI MAWAWI

KEBANJIRAN platform e-dagang seiring kecanggihan dunia teknologi pada hari ini membawa pelbagai kebaikan kepada penjual mahupun pembeli memandangkan mereka mempunyai pilihan yang lebih luas untuk mendapatkan barangan yang diminati.

Namun dalam masa yang sama, ia juga mewujudkan persaingan yang lebih hebat di antara penjual apabila sesetengahnya lebih memilih untuk menjual barangan dari negara luar seperti China kerana lebih murah dan senang didapati.

Ternyata situasi tersebut mendatangkan cabaran sehingga ada peniaga yang terpaksa 'gulung tikar' kerana tidak mampu bersaing dari segi harga untuk memenuhi persaingan jualan di platform e-dagang.

Mengakui hal tersebut, pereka fesyen **Farel Mikhail** dan **Jonathan** berkata, pasaran terbuka hari ini telah pun mengubah landskap perniagaan sekali gus berdepan cabaran yang lebih besar.

"Banyak baju yang diborong dari China dibawa masuk dan dijual dengan harga yang jauh lebih murah. Itu realiti yang berlaku



FAREL (kiri) dan Jonathan membuka peluang kepada pereka muda dalam ICFW.

sekarang namun peniaga tidak seharusnya patah semangat kerana cabaran adalah lumrah.

"Usah kita terlalu fokus kepada hal tersebut tetapi carilah kekuatan dari segi lain yang membolehkan kita untuk terus bersaing di pasaran pada hari ini. Misalnya syarikat kami, FM Group akan bersaing dari segi kualiti.

"Tidak dinafikan barangan dari negara luar lebih murah namun

tidak semestinya kualitinya bagus, jadi kami pastikan pelanggan mendapat barangan terbaik setanding harga yang ditawarkan. Itu yang membuatkan pelanggan akan tetap setia," ujarnya.

Mula bergiat aktif dalam bidang rekaan fesyen pada tahun 2012, Farel dan Jonathan kini dikenali

bukan sahaja di Malaysia bahkan di persada antarabangsa melalui label Farel Mikhail dan Precious Of Malaysia.

"Kami sebenarnya ingin membantu pereka muda untuk bergiat aktif dalam dunia fesyen kerana sedar ramai di luar sana yang berbakat besar serta mempunyai idea yang kreatif.



"Disebabkan itu, kami turut membuka peluang kepada pereka di luar sana untuk memperkenalkan rekaan dalam International Cultural Fashion Week (ICFW) yang akan berlangsung pada 2 hingga 4 Ogos ini di Menara Affin @ TRX, Kuala Lumpur.

"Untuk terjun dalam bidang fesyen ini bukan sahaja memerlukan pereka mencipta pakaian mengikut trend serta cita rasa pelanggan tetapi minat merupakan faktor penting agar ia tidak hanya separuh jalan sahaja," ujarnya yang dahulu merupakan seorang jurutera.

Sementara itu, Jonathan berkata, Precious Of Malaysia mempertaruhkan rekaan batik dengan konsep moden dan kontemporari untuk dibawa ke peringkat antarabangsa sekali gus memartabatkan pakaian tradisi Melayu.

"Kami juga mempunyai pelanggan dalam kalangan peserta ratu cantik yang memperagakan batik di pentas peragaan. Biasanya kita lihat peserta pakai baju seksi tetapi apabila kita ketengahkan suntikan elemen batik, respons yang diterima di luar jangkaan serta ramai yang teruja dengan keindahan yang ditonjolkan," ujarnya. 

Jual kulit lembu raih pendapatan empat angka

MENU Sambal Taun Belulang daripada kulit lembu yang sering dimakan sejak kecil mencetuskan idea buat Zulkifli Akhbar untuk mengkomersialkan kulit berkenaan sehingga mampu menjana pulangan pendapatan sekitar empat angka sebulan.

Zulkifli, 60, dari Kampung Selabak yang menjual kulit lembu siap diproses sejak 10 tahun lepas berkata kulit lembu atau belulang merupakan makanan tradisi popular dalam kalangan masyarakat Jawa namun ketika ini ia turut digemari oleh pelbagai golongan masyarakat.

Dia yang pada mulanya hanya menjual kulit lembu secara kecil-kecilan kerana tidak mahu ia pupus ditelan zaman, tidak menyangka menerima permintaan yang tinggi kebanyakannya daripada pengusaha kedai makanan sekitar Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Terengganu dan Kedah.

"Setiap bulan saya perlu menghasilkan kira-kira 700 kilogram (kg) kulit lembu yang telah siap diproses untuk memenuhi permintaan pelanggan tetap, namun pada Ramadan saya menerima tempahan sekali ganda.

"Saya menjual kulit lembu ini pada harga RM13 sekilogram. Dengan dibantu empat pekerja, saya mampu memperoleh pendapatan kira-kira RM7,000 sebulan," katanya.

Zulkifli yang memiliki empat anak berkata proses penghasilan kulit lembu sememangnya agak rumit selain memerlukan ketelitian dan



ZULKIFLI ketika menjalankan proses penghasilan kulit lembu.

kesabaran yang tinggi.

Bekalan kulit lembu, katanya diperoleh di sekitar Bagan Datuk, Perak serta Sabak Bernam, Selangor pada harga RM30 hingga RM40 bagi sekeping kulit lembu (sekeping bersamaan dengan seekor lembu).

Beliau berkata bekalan kulit lembu mudah diperoleh semasa musim perayaan Aidiladha

namun ada ketikanya agak sukar mendapat bekalan hingga terpaksa membelinya pada harga yang tinggi.

"Kulit lembu perlu dibasuh terlebih dahulu untuk membuang sisa darah sembelihan dan perlu disidai lima ke enam bulan untuk proses pengeringan, sekiranya cuaca panas terik empat bulan sudah cukup untuk keringkannya,"

katanya.

Menurut Zulkifli kulit lembu kemudian perlu dibakar di bahagian atas dan bawah dengan sempurna menggunakan kayu api sehingga kulit bertukar warna kehitaman, seterusnya perlu diberus menggunakan berus dawai untuk membuang bulu serta kotoran yang terdapat pada kulit lembu itu.

"Setelah selesai proses membakar dan memberus, kepingan kulit lembu dipotong kecil dan dikikis dengan pisau untuk membuang lemak seterusnya direndam dengan air bersih selama setengah jam. Kepingan kulit lembu kemudian direbus hingga satu jam setengah bertujuan melembutkan tekstur dan menjaga kualitinya.

"Proses terakhir ialah kulit lembu yang telah siap diproses dibungkus dalam plastik dan disimpan dalam peti sejuk beku sebelum dijual kepada pembeli," katanya.

Zulkifli berkata kulit lembu siap proses mampu bertahan selama enam bulan hingga satu tahun apabila disimpan dalam peti sejuk dan kemudian boleh dijadikan pelbagai menu masakan seperti masak lemak cili padi, taucu dan sambal goreng.

Teksturnya yang kenyal dan hampir sama dengan perut lembu, katanya menjadikan kulit lembu atau belulang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penggemarnya. - **BERNAMA**





PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima Kunjungan Hormat oleh Tuan Yang Terutama Bakhtiyor Saidov, Menteri Luar Negeri Republik Uzbekistan, yang dalam rangka Lawatan Rasmi sehari ke Malaysia.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menghadiri Malam Gala Youth Empowerment Foundation Malaysia (YEF MSIA) dalam mereka meraikan pelatih-pelatih YEF MSIA.



MENTERI Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook mempengerusikan mesyuarat kajian setengah tahun inisiatif-inisiatif Kementerian Pengangkutan.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz bersama Menteri Industri dan Perdagangan Vietnam, Tuan Yang Terutama Nguyen Hong Dien bersama-sama mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan Bersama (JTC) ke-4.



MENTERI Digital, Gobind Singh Deo bertemu dengan beberapa perwakilan daripada kumpulan-kumpulan pejuang hak asasi kanak-kanak bersempena dengan pembentangan Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bilangan 2 Tahun 2024 yang diadakan di Bangunan Parlimen Malaysia.

Program Pemantapan Solat dan Klinik Fatihah

Bantu bentuk moral pelajar di WP



SEMINAR Pemantapan Solat disampaikan oleh Profesor Dr Hasnan Kasan.

DIANA AMIR

BAGI meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bacaan dan amalan yang sempurna dalam solat lima waktu, 200 peserta terdiri daripada murid dan guru dari 38 sekolah kebangsaan di daerah Keramat menyertai Program Pemantapan Solat & Klinik Fatihah baru-baru ini.

Program yang dianjurkan oleh Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (LKPI WPKL) ini turut disokong oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) tersebut disertai oleh murid tahun 5 dan 6 terpilih daripada kesemua sekolah rendah di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur.

Menurut Pengerusi LKPI WPKL, Puan Seri Hanifat Harun

berharap peserta terlibat dapat menjadi contoh kepada murid lain di sekolah.

“Sebanyak empat program dijadual dilaksanakan mengikut daerah pendidikan di WP Kuala Lumpur iaitu Daerah Sentul, Keramat, Pudu dan Bangsar.

“Setiap program dijangka dihadiri seramai 190 hingga 220 peserta terdiri daripada murid-murid yang terpilih dan guru pengiring,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau mengalu-alukan sumbangan dana dari syarikat-syarikat korporat bagi menambah baik program serta memperluaskannya pada masa akan datang.

Sementara itu, Pengurus Kanan YWP, Datin Ts Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir berkata YWP berbangga di atas kerjasama bersama LKPI WPKL yang

dapat memberi impak positif kepada pembangunan komuniti anak-anak Wilayah Persekutuan khususnya pelajar sekolah.

“Insya-Allah kita akan terus menaja lagi dua program yang akan diadakan dalam masa terdekat sekali gus membuktikan pihak kita benar-benar menyantuni pelajar-pelajar dalam memastikan pembentukan moral dan Islam dalam diri mereka adalah kukuh supaya menjadi warganegara Malaysia yang hebat,” ujar beliau.

Terdahulu, program yang diadakan di Masjid Mu'adz Bin Jabal, Setiawangsa turut mendapat kerjasama Pergerakan Puteri Islam Malaysia WPKL, Kumpulan Pengajian Al-Quran Mengejar Cinta Illahi (MCI) dan Tenaga Pembimbing Tajwid Akademi Yayasan Nasyrul Quran Putrajaya.

RM100,000 menanti pemenang

DALAM usaha membudayakan penabungan, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kembali dengan Kempen Cabutan Siri WOW! Merdeka 2024 yang menawarkan hadiah wang tunai RM100,000 buat 181 pemenang.

Menurut Pengerusi PTPTN, **Datuk Norliza Abdul Rahim**, penganjurkan kempen ini adalah usaha dalam memupuk budaya menabung dalam kalangan ibu bapa di peringkat awal usia anak-anak bagi tujuan pendidikan tinggi sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan.

“Melalui kempen ini, PTPTN menawarkan hadiah lumayan iaitu wang tunai keseluruhan berjumlah RM100,000 untuk 181 pemenang.

“Hadiah utama berjumlah RM10,000 untuk satu pemenang dan hadiah sagu hati berjumlah RM500 untuk setiap 180 pemenang. Kempen ini terbuka kepada semua pendeposit Simpan SSPN iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus,” katanya menerusi satu kenyataan.

Norliza berkata tempoh kempen adalah bermula dari 1 Julai sehingga 31 Ogos 2024.

“Untuk menyertai kempen ini, pendeposit hanya perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen. Setiap simpanan bersih RM50 bagi Simpan SSPN Prime akan mendapat satu cabutan manakala bagi setiap simpanan bersih RM50 bagi Simpan SSPN Plus layak mendapat dua cabutan secara automatik.

“Menariknya, kelebihan cabutan berganda juga diberikan kepada pengguna myPTPTN. Pendeposit Simpan SSPN Prime yang membuat simpanan bersih RM50 melalui

myPTPTN atau melalui potongan gaji atau debit terus, akan mendapat lima cabutan manakala pendeposit Simpan SSPN Plus yang membuat simpanan bersih RM50 melalui myPTPTN atau melalui potongan gaji atau debit terus pula akan mendapat 10 cabutan,” ujar beliau.

Selari dengan tema Hari Kebangsaan bagi tahun ini iaitu ‘Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka’, Norliza berkata kempen ini sekali gus membantu memerdekakan anak-anak daripada membuat pinjaman pendidikan untuk menampung pengajian apabila dewasa kelak.

“Semua masyarakat Malaysia hendaklah mengambil peluang menghayati erti sebenar sebuah kemerdekaan kerana kemerdekaan itu bukanlah sekadar berkisar tentang sejarah dan perjuangan semata-mata bahkan kebebasan daripada hutang kewangan dan disiplin dalam membuat penabungan awal untuk pendidikan anak-anak juga adalah sebuah kemerdekaan.

“Pendeposit bakal menikmati pelbagai keistimewaan dan manfaat menerusi Simpan SSPN selain berpeluang untuk memenangi hadiah yang lumayan sepanjang menyertai kempen ini. Simpan lebih, peluang menang pun lebih,” tambah



beliau lagi.

Mengulas lanjut, Norliza berkata Simpan SSPN merupakan satu-satunya produk simpanan yang menawarkan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun.

“Selain itu, memberikan perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan yang dijamin Kerajaan dan patuh syariah,” ujarnya.

Untuk rekod, sehingga 31 Mei 2024, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM18.4 bilion dengan akaun sebanyak 6.4 juta. Pembukaan akaun atau penambahan simpanan boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi myPTPTN dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Layarilah portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my untuk maklumat lanjut.

Lahir tenaga kerja berkemahiran tinggi

SERAMAI 780 peserta daripada 39 bidang kemahiran mengambil bahagian dalam Pertandingan Kemahiran Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia (POLYCCSKILLS) 2024 yang dianjurkan baru-baru ini.

Politeknik Ungku Omar dalam kenyataannya berkata program tersebut telah berjaya melahirkan pelajar terbaik dalam pelbagai aspek kemahiran melalui 39 bidang kemahiran vokasional dan teknikal yang dipertandingkan.

“POLYCCSKILLS merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk mentransformasikan negara menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

“Pertandingan yang berlangsung dari 1 hingga 4 Julai 2024 itu merangkumi aspek latihan, perkongsian ilmu serta pengujian kemahiran diri pelajar. Ia juga menjadi medan pengiktirafan kepada pelajar yang memperlihatkan kompetensi dan kemahiran yang tinggi hasil daripada tugas diberikan,” katanya.

Tambahnya, POLYCCSKILLS 2024 bukan sahaja menjadi platform untuk mengasah kemahiran teknikal pelajar tetapi juga menggalakkan semangat

persaingan sihat dan kerjasama antara institusi.

“Pelajar yang memenangi pertandingan ini akan berpeluang untuk bertanding ke peringkat lebih tinggi seperti World Skills Malaysia Belia (WSMB) dan World Skills Competition (WSC) di masa akan datang sekali gus mengangkat Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) sebagai pemangkin pembangunan Kemahiran TVET yang unggul di Malaysia,” ujarnya.

Jelasnya lagi, pertandingan ini turut membuktikan standard tinggi Pendidikan dan latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang disediakan oleh institusi-institusi di bawah JPPKK.

“Sebanyak 105 institusi yang terdiri daripada pelbagai Politeknik dan Kolej Komuniti telah mengambil bahagian dalam POLYCCSKILLS 2024.

“Seramai 780 peserta dari 39 bidang kemahiran telah mempamerkan bakat dan kebolehan masing-masing dalam merebut 120 pingat dan tiga anugerah utama iaitu Anugerah Minda Emas, Jari Emas dan Tangan Emas,” katanya.

Terdahulu, Majlis Perasmian Penutup POLYCCSKILLS 2024 telah diadakan di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak dan disempurnakan oleh Pengarah Kanan (Akademik) JPPKK, Mohd Noor Shahudin.



Penghantaran komunikasi yang mempunyai ciri-ciri tersebut adalah satu perbuatan yang dilarang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998)

Isu jalan rosak dan banjir kilat

Penduduk rayu perbaiki infrastruktur

KHAIRUL IDIN

PENDUDUK Kampung Sungai Keling, menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi kerajaan bertanggungjawab untuk menangani isu kerosakan jalan kampung dan pembangunan infrastruktur di kampung tersebut.

Menurut Ketua Kampung Sungai Keling, **Goh Siew Liang**, beliau sudah mengemukakan permohonan khususnya menaik taraf jalan raya serta kemudahan lampu jalan sehingga membahayakan keselamatan penduduk kepada pihak berwajib namun tiada jawapan diperolehi.

“Beberapa batang jalan di kampung ini mengalami kerosakan teruk di mana keadaannya sudah pecah dan berlubang selain tiang elektrik condong dan wayar elektrik tidak dibalut yang terdedah kepada bahaya.

“Masalah yang diadakan ini mendatangkan risiko keselamatan kepada penduduk atau pengguna yang menggunakan jalan ini,” katanya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut, beliau yang juga



GOH SIEW



JALAN kampung yang rosak terutama ketika musim hujan menyukarkan penduduk untuk keluar dan masuk.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) turut menggesa agensi terlibat untuk menyelesaikan masalah sistem perparitan yang menyebabkan beberapa kediaman sering dilanda banjir khususnya ketika

musim hujan.

Katanya, kerja-kerja melebar dan memperbesarkan parit perlu dilakukan bagi mendalamkan lagi dasar selain memperbaiki tebing runtuh.

“Jika berlakunya hujan lebat, beberapa kawasan yang lebih rendah akan ditenggelami air selain sistem perparitan sekarang

tidak mampu menampung air hujan kerana kecil dan tidak diselenggara sejak beberapa tahun.

“Bukan sahaja keadaan jalan yang bertambah buruk semasa hujan lebat tetapi juga berlaku banjir kilat sehingga beberapa buah rumah akan dinaiki air,” katanya.

Tambah Siew Liang, beliau akan mengangkat isu ini kepada pihak yang berwajib supaya masalah yang selama ini membelenggu penduduk kampung dapat diselesaikan selain kemudahan awam dinaik taraf sekali gus memberikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk.

Dalam perkembangan lain, Siew Liang turut mencadangkan supaya kampung itu dijadikan sebagai tempat pelancongan di pulau tersebut.

Jelasnya, Kampung Sungai Keling dikenali sebagai perkampungan industri dan ia turut mempunyai tempat-tempat yang menarik untuk dipromosikan.

“Kampung ini mempunyai tempat-tempat yang menarik dan upacara kebudayaan seperti Chap Goh Mei yang menentangkan perarakan tanglung, tarian naga atau singa, opera Cina, dan mengimbas bendera besar Chingay,” katanya.

Ujar beliau, menerusi cadangan tersebut yang selari dengan misi kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai pulau pelancongan, beliau berpandangan ia akan memberikan lagi kesan positif dari segi ekonomi penduduk setempat. 

Awang Said derma darah 99 kali

SEORANG penjawat awam, mencatat rekod peribadi menderma darah sebanyak 99 kali bermula 11 tahun lalu.

Awang Said Lamin, 54 berkata usaha itu dilakukan bagi membantu orang ramai yang memerlukan selain ia atas dasar tanggungjawab sosial dan kemanusiaan.

“Saya percaya sejak 11 tahun ini, amalan itu dapat menyelamatkan nyawa dan akan terus melakukannya selagi termampu kerana sadar ramai yang memerlukan bekalan darah.

“Saya anggap inisiatif murni ini didorong keinginan membantu menyelamatkan nyawa ramai orang. Saya berharap orang ramai bersama-sama mendermakan darah agar mereka yang memerlukan darah dapat diselamatkan,” katanya ketika ditemui pada Kempen Derma Darah anjuran Persatuan Pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Labuan atau The Labuan Occupational Safety and Health Practitioner Association (LOSHPA).

Sementara itu, Pengerusi LOSHPA Joanita Joseph berkata kira-kira 59 pain darah berjaya dikumpulkan menerusi kempen tersebut yang bertujuan menyokong bank darah hospital dengan moto ‘Derma Darah, Selamatkan Nyawa.

Katanya, LOSHPA menyokong keselamatan dan kesihatan di



AWANG menunjukkan sijil penghargaan kerana menderma darah sebanyak 99 kali.

tempat kerja dan komuniti sekali gus menekankan misi persatuan dan kepentingan menderma darah seiring dengan perkembangan semasa.

“Program tersebut juga bertujuan memberi kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai tentang keselamatan dan kesihatan,

seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat.

“Ia turut memberikan kesedaran serta pendidikan kepada orang ramai tentang kepentingan menderma darah selain ia akan diserahkan kepada Hospital Labuan,” katanya. 

Bakal pesara tuntutan ilmu keusahawanan

SERAMAI 15 bakal Pesara Perbadanan Labuan (PL) mengikuti kursus pra pesaraan bagi membuka peluang dan pendedahan terhadap ilmu keusahawanan sebagai persediaan menceburi bidang baharu selepas bersara kelak.

PL berkata penganjuran kursus selama dua hari itu diadakan di Pulau Pinang bertujuan memberikan pendedahan kepada kakitangan yang bakal bersara menceburi bidang usahawan dan pertanian.

“Dengan adanya sesi lawatan sambil belajar dan perkongsian ilmu ini, para kakitangan yang mengikuti kursus ini mendapat perkongsian ilmu bersama beberapa usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berjaya.

“Mereka juga berpeluang menambah ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang pertanian melalui taklimat

yang telah diberikan oleh Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan, Seri Pulau khususnya dalam kaedah penanaman fertigasi, hidroponik, penanaman cendawan dan kelebihan pertanian organik,” jelas kenyataan itu.

Tambahnya, selari dengan aspirasi pengurusan PL yang sentiasa menitikberatkan kepentingan kakitangannya, penganjuran itu merupakan langkah proaktif PL sebagai persediaan awal kepada kakitangan sebelum melangkah ke alam persaraan.

“Ini adalah usaha PL untuk melihat kakitangan yang bakal bersara wajib agar terus maju dan ia juga sebagai tanda penghargaan atas jasa bakti dan perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang mereka berkhidmat di PL,” katanya. 

Realisasi bandar mampan rendah karbon

PPj sedia bas elektrik berautonomi

SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) komited dalam usaha memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandar mampan dan bandar hijau rendah karbon bertaraf dunia menjelang tahun 2025.

Komitmen PPj dibuktikan dengan pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan daripada dahulu sehingga sekarang. Buktinya pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sedang melaksanakan pengujian bas elektrik berautonomi dalam usaha merealisasikan pusat pentadbiran kerajaan itu sebagai bandar rendah karbon.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, inisiatif penggunaan teknologi bas elektrik berautonomi yang dibangunkan oleh syarikat tempatan iaitu eMooVit Technology itu dilaksanakan untuk memajukan sektor pengangkutan awam negara di samping melestarikan alam sekitar.

“Pelaksanaan projek rintis ini akan memberi fokus kepada penilaian kesan bas elektrik berautonomi kepada sistem pengangkutan bandar dari segi teknologi, sosial dan ekonomi.

“Kami berharap dengan memperkenalkan kenderaan elektrik berautonomi ini akan membawa beberapa manfaat termasuk potensi untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO₂), penambahbaikan sistem pengangkutan dan juga penggunaan tenaga.



PENGANGKUTAN bas elektrik di Putrajaya dijangka akan digunakan sepenuhnya pada tahun 2025.

“Langkah ini juga sejajar dengan usaha menzahirkan hasrat bandar hijau di Putrajaya selain mengurangkan pencemaran karbon, bunyi serta kesesakan lalu lintas,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Fadlun berkata ia juga bertujuan untuk menilai pengalaman pelanggan terhadap perkhidmatan operasi bas secara optimum yang turut memberi tumpuan kepada pengurangan kadar kemalangan, kos operasi dan kebergantungan tenaga kerja.

“Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia sebelum ini, lebih daripada 80 peratus kemalangan jalan raya di Malaysia disebabkan oleh kecuaiannya pemandu.

“Perkara tersebut amat membimbangkan dan aspirasi pihak PPj adalah dengan adanya teknologi kenderaan elektrik berautonomi ini akan dapat mengurangkan kesilapan manusia,” ujarnya.

Dalam pada itu, Fadlun

memaklumkan laluan bas tersebut akan dijalankan di sepanjang Persiaran Perdana dan berkemungkinan dilanjutkan ke Putrajaya Sentral dengan objektif untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan mengenai penyesuaian bas elektrik autonomi sebagai perkhidmatan.

“Selain itu, projek pengujian yang diadakan selama tiga bulan itu juga dilaksanakan untuk menilai penerimaan orang ramai berdasarkan bentuk baharu pengangkutan mobiliti bandar

di samping memajukan Pelan Tindakan Bandar Pintar Putrajaya sebagai pembangunan bandar pintar terulung dalam negara serta menyelaraskan dengan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia,” ujar beliau.

Fadlun memberitahu sepanjang tempoh pengujian, orang ramai akan dibenarkan menaiki bas elektrik autonomi itu secara percuma selama tiga bulan.

“Melalui kerjasama ini, eMooVit akan menyediakan bas elektrik autonomi, sistem pengecasan, sokongan teknikal, khidmat penyelenggaraan dan sesi latihan,” ujarnya.

Sebagai rekod, eMooVit Technology merupakan syarikat yang memfokuskan kepada perisian pemanduan berautonomi dengan tumpuan utama kepada penyelesaian di dalam sektor pengangkutan awam.

eMooVit Technology juga merupakan syarikat pertama dan kini satu-satunya yang menerima kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan di bawah Jawatankuasa Garis Panduan Pengujian MyAV untuk menjalankan ujian di laluan awam yang ditetapkan di Cyberjaya dan Putrajaya.

Terdahulu, kerajaan melancarkan Dasar Automotif Negara 2020 yang mana bertujuan untuk mempertingkatkan industri automotif melalui penyelidikan dan pembangunan terutamanya dalam bidang kenderaan generasi akan datang. 

Tingkat ekonomi penternak kelulut Putrajaya

MANFAAT madu kelulut semakin mendapat perhatian memandangkan ia berasal daripada lebah *stingless* atau tidak bersengat yang memiliki kandungan khasiat lebih tinggi.

Selaras dengan hasrat Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk memajukan lagi penternakan kelulut di Putrajaya, pihak PPj dengan kerjasama National Institute Biotechnology Malaysia (NIBM) memperkenalkan siri Program Kelulut Putrajaya Ke Arah Amalan Penghasilan Madu Terbaik bagi menambah baik dan meningkatkan kelestarian penternakan kelulut di pusat pentadbiran kerajaan itu.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, seramai 60 orang peserta terdiri daripada penternak komuniti kelulut dalam dan luar Putrajaya terlibat dalam program yang diadakan secara percuma itu.

“Objektif program yang diadakan selama tiga hari itu adalah untuk melatih dan memberi galakan kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran serta berdaya saing.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menjaga kelestarian makanan melalui penghasilan madu kelulut yang memenuhi pensijilan standard Amalan Pertanian Terbaik (MyGAP).

“Program ini dianjurkan untuk membantu komuniti khususnya penternak kelulut di Putrajaya memulakan dan mengembangkan aktiviti penternakan kelulut.

“Di samping itu, ia juga dapat membantu komuniti Putrajaya mempromosikan madu kelulut dan hasil hiliran di bawah satu penjenamaan yang berkualiti serta memberi galakan kepada penternak kelulut yang berminat untuk meningkatkan ekonomi setempat,” ujar beliau.

Fadlun berkata pada hari pertama peserta didedahkan dengan pengurusan lebah kelulut oleh Mohd Razif Mamat @ Daud yang merupakan seorang saintis daripada Genome and Vaccine Institute, NIBM.

“Beliau menerangkan kepada peserta tentang kaedah penyediaan kawasan pengkulturan,

penyelenggaraan koloni, pengawasan ancaman perosak, penyakit dan penuaian serta pengumpulan produk mentah (madu, beebread dan propolis).

“Pada hari kedua, peserta telah dibawa ke Kebun Kelulut Kasih untuk sesi kembara ilmu dan perkongsian yang terletak di Hulu Langat yang mana kebun tersebut diusahakan oleh pasangan suami isteri iaitu Faridah Khalid dan Fuad di tapak berkeluasan anggaran 0.8 ekar selain taklimat bagaimana kebun menerima pengiktirafan,” ujarnya.

Pada hari terakhir, peserta berpeluang untuk mempelajari pembuatan Propolis Shower Gel yang merupakan satu produk hiliran berpotensi untuk menjana hasil pendapatan sampingan selain penuaian madu kelulut.

Selain itu, Fadlun berkata tiga buah kebun komuniti Putrajaya telah menerima Insentif Hive Kelulut dan Label Maduku Putrajaya.

“Melalui program seumpama ini, semangat kerjasama dapat dipupuk



ANTARA peserta yang terlibat dalam Program Kelulut Putrajaya.

dalam menyatukan komuniti melalui khidmat sokongan profesional di dalam aspek penternakan kelulut selaras dengan aspirasi Putrajaya untuk menjadi Bandar Mampan 2025 dan Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya dapat direalisasikan,” ujar beliau.

Terdahulu, Program Kelulut Putrajaya Ke Arah Amalan Penghasilan Madu Terbaik telah dianjurkan pada 25 sehingga 27 Jun 2024 bertempat di Bangunan Pusat Interpretif Pelawat (VIC), Taman Botani Putrajaya, Presint 1, Putrajaya. 

Pamer aksi cemerlang di AUG 2024

Malaysia bawa pulang 38 pingat emas

SABRINA SABRE

KONTINJEN negara menamatkan kempen di temasya Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024 dengan aksi terpuji apabila berjaya membawa pulang 38 pingat emas selepas 11 hari berjuang bermula 26 Jun lepas.

Jumlah 38 pingat emas itu mengatasi sasaran awal iaitu 35 emas yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) namun masih jauh jika dibandingkan dengan pencapaian terbaik Malaysia pada edisi 2022 di Ubon Ratchathani, Thailand yang mana menyaksikan kontinjen negara meraih 49 emas, 83 perak dan 50 gangsa.

Momentum kutipan pingat juga sedikit perlahan apabila pingat emas ke-35 hanya diperoleh pada hari kedua terakhir saingan menerusi atlet karate, H Sureeya Shankar.

Tuan rumah, Indonesia memanfaatkan peluang sebaiknya beraksi di laman sendiri untuk mengungguli carta kutipan pingat dengan 126 emas, 99 perak dan 71 gangsa diikuti Thailand 53-49-29 kedua dan Malaysia dengan 38 emas, 45 perak dan 60 gangsa untuk tempat ketiga



SYABAS dan tahniah diucapkan kepada kontinjen Malaysia.

keseluruhan.

Kem olahraga menjadi penyumbang pingat emas terbanyak dengan keseluruhan 13 pingat emas, 10 perak dan lapan gangsa diikuti kem renang yang melepasi sasaran tujuh emas dengan sembilan emas, tujuh perak dan 16 pingat gangsa.

Skuad judo tidak kurang

hebatnya apabila membutirkan tiga emas, tiga perak dan satu gangsa manakala kem memanah menyumbang dua pingat emas pada hari terakhir AUG 2024.

Dalam pada itu, ramalan sukan tempur iaitu karate, taekwondo dan pencak silat sebagai lubuk emas meleset apabila masing-masing menyumbang dua

pingat emas, meskipun dibarisi beberapa atlet berprofil tinggi kali ini.

Hasrat kem badminton untuk membawa pulang empat emas juga tidak tercapai apabila hanya menjelmakan dua emas selain impian kem petanque yang mahu mengutip dua pingat emas lebur apabila terpaksa berpuas hati

dengan satu emas.

Skuad bola keranjang juga hambar dan terpaksa berpuas hati dengan satu pingat perak dalam acara 5x5 wanita dan dua gangsa dalam acara 3x3 lelaki dan wanita manakala sepak takraw menyumbang satu gangsa.

Sukan panjat tembok dan bola tampar yang tampil pada edisi 2024 kali ini terpaksa akur apabila pulang dengan tangan kosong.

Sementara itu, Ketua Kontinjen negara ke AUG 2024, Suhairi Ismail menarik nafas lega apabila sasaran 35 pingat emas itu berjaya dicapai kontinjen Malaysia yang mampu melepasi sasaran pada hari terakhir 6 Julai lalu.

“Kita terlepas beberapa acara seperti wushu kerana tidak menghantar atlet bagi acara berkenaan. Itu menyebabkan kita punya pingat emas sedikit perlahan, kita boleh lihat sebenarnya sukan yang dipertandingkan dan cabaran atlet di Indonesia sengit.

“Pada 2026 kita jadi tuan rumah, pascanilai akan dilakukan supaya dapat memberi cabaran sebenar sebagai tuan rumah untuk mencipta prestasi cemerlang pada edisi seterusnya,” ujar beliau.

PBT perlu sedia AED di pusat latihan sukan

INSTITUT Sukan Negara (ISN) akan berbincang dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi melihat keperluan untuk mensyaratkan penyediaan peranti defibrillator luaran automatik (AED) di setiap premis yang dijadikan pusat latihan atlet terutamanya membabitkan sukan badminton.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata beliau dihubungi ISN yang memaklumkan mengenai cadangan itu dan sedang di peringkat penelitian bagaimana ia boleh dilaksanakan.

“Sukan badminton ini sangat *stressfull on the body*. Bukan semua orang boleh bermain dengan selesa. Jadi ISN sedang meneliti bagaimana mereka hendak bekerjasama dengan PBT untuk mensyaratkan prosedur keselamatan itu di semua tempat latihan khasnya badminton.

“Ini penting untuk memastikan keselamatan atlet ketika membuat latihan. Sebenarnya ada PBT yang sudah pun menetapkan syarat berkenaan tetapi tidak semua, jadi sebab itu perlu ada perbincangan lanjut mengenainya,” ujar beliau.

Selain mewajibkan penyediaan kemudahan AED, Hannah berkata

penting juga untuk memastikan ada pegawai terlatih yang mahir menggunakan peranti berkenaan ketika berlaku situasi kecemasan.

Cadangan itu dikemukakan susulan kematian pemain muda China, Zhang Zhi Jie selepas rebah di gelanggang semasa Kejohanan Remaja Asia di Yogyakarta, Indonesia pada 30 Jun 2024.

Pemain badminton perseorangan lelaki itu rebah di gelanggang semasa menentang pemain Jepun Kazuma pada perlawanan peringkat kumpulan di Among Rogo Sport Arena.

Sementara itu, mengenai kebimbangan kemungkinan padang di Stadium Nasional Bukit Jalil akan terjejas susulan penganjuran konsert artis antarabangsa Bruno Mars yang dijadual pada 17 September ini, Hannah memberi jaminan ia tidak akan berlaku lagi

“Untuk acara konsert di Stadium Nasional Bukit Jalil, memang saya telah meletakkan moratorium bahawa tiada sebarang struktur boleh diletakkan di atas rumput.

“Kalau penganjur nak bina pentas dan sebagainya perlulah di atas trek. Semua konsert sekarang memang tidak dibuat di atas padang,” ujarnya.



HANNAH



ADAM ADLI bersama juara kategori 16 kilogram multibot.

Dedah teknologi robotik kepada belia

YOUTH Robot Challenge 2024 anjuran Kementerian Belia dan Sukan menjadi platform perkongsian idea, pengetahuan dan pendedahan golongan belia dalam bidang teknologi robotik.

Menurut Timbalan Menteri Belia dan Sukan, **Adam Adli Abd Halim**, pertandingan robotik yang diwujudkan sejak 2018 itu juga telah memberi pelbagai manfaat termasuk pendedahan dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

“Tahun ini kami menerima penyertaan yang semakin tinggi dan ia menandakan satu indikator yang sihat terutama

sekali dalam penglibatan serta peningkatan kualiti kemahiran dalam bidang TVET dan juga teknologi robotik yang mampu ditonjolkan oleh pelajar Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

“Selain itu, pertandingan berkenaan juga dapat mencungkil bakat dan menyerlahkan potensi mereka dalam bidang itu,” ujarnya.

Beliau berkata Pertandingan Youth Robot Challenge itu akan diteruskan pada tahun hadapan selain merancang untuk berkolaborasi dengan beberapa kementerian lain seperti

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

“Pertandingan ini juga menekankan kepentingan teknologi dalam memacu inovasi serta pemahaman mendalam terhadap robotik.

“Youth Robot Challenge tidak hanya merangsang minat terhadap sains dan teknologi tetapi memupuk semangat kreativiti dan kerjasama berpasukan

“Kementerian Belia dan Sukan (KBS) komited dalam membangunkan bakat tempatan dalam bidang yang semakin penting ini,” ujarnya.

Tidak serikkah pembuli siber?

SUDAH namanya golongan selebriti, setiap yang dikongsi bukan sahaja mendapat pujian, tidak kurang juga meraih kecaman atau komen melampau daripada pembuli siber.

Situasi ini dilihat semakin berleluasa sehingga membawa maut apabila mangsa yang dibuli tidak dapat mengawal emosi serta tekanan yang dihadapi.

Jika sebelum ini, kita selalu mendengar berita artis luar negara

membunuh diri akibat buli siber tetapi jangan terkejut kini ia berlaku di negara kita. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan kematian seorang pengengaruh media sosial tempatan dipercayai akibat buli siber.

Perkara tersebut mendapat perhatian semua golongan tidak terkecuali para selebriti. Bersama wartawan **Deel Anjer, Wilayahku** sempat berkongsi pandangan artis antaranya Baby Shima, Shuib dan Shuk Sahar.



Baby Shima harap jadikan iktibar

PELANTUN lagu Pura Pura Bujang, **Baby Shima** berharap kes yang berlaku dijadikan iktibar dan tidak diulangi lagi.

“Menyentuh bab kena kecam dan difitnah ini, saya salah seorang artis yang tidak terlepas daripada menjadi mangsa buli siber.

“Macam-macam perkataan, sindiran atau kecaman yang mereka lontarkan kepada saya. Tipulah kalau tak kecewa tapi saya kena kuat. Apabila terbaca, saya anggap seperti angin lalu sahaja.

“Saya tak boleh kawal orang nak cakap apa. Kalau boleh tidak payah baca komen. Alhamdulillah, emosi dan mental saya sikit pun tidak terganggu dan ia membuatkan saya lebih kuat menghadapi pelbagai situasi,” katanya.

Dalam masa yang sama, Shima berharap kisah pengengaruh yang disyaki membunuh diri itu menjadi peringatan buat semua.

“Puaskah netizen yang mengecam sehingga dia stres dan sanggup membunuh diri? Adakah ia satu keseronokan bagi anda?

“Sampai bila nak teruskan perbuatan buli siber ini. Nak komen atau tegur boleh, tapi janganlah sampai menghentam sehingga membawa tekanan kepada individu itu.

“Bukan sahaja kepada artis, saya yakin orang lain yang dikecam pun pasti akan terganggu emosi. Jangan sampai kerana komen kita, terjadinya perkara tidak diingini. Ketika itu, nasi sudah menjadi bubur,” ujarnya.

Shima turut berpesan agar tidak sewenang-wenangnya mengaibkan orang lain kerana perbuatan buli siber juga adalah perbuatan jenayah.

Orang tak berada dalam kasut kita

PELAWAK Shuib berpendapat, netizen yang suka mengecam serta memberi kata-kata kesat kepada golongan selebriti sudah menjadi budaya negatif dalam masyarakat.

“Bagi saya buli siber ini sesuatu yang terlalu serius. Jangan anggap ia perkara main-main. Sebelum ini kita dengar di luar negara sahaja kes selebriti atau pengengaruh bunuh diri, sekarang ia berlaku di Malaysia.

“Sebenarnya perkara ini sudah berleluasa dan menjadi satu budaya yang menakutkan. Misalnya apabila

sebuah portal memaparkan kisah sensasi artis ini, netizen akan pergi ke media sosial selebriti tersebut, di situ bermulanya kecaman.

“Mereka boleh ajak orang lain ‘berkampung’ dan membuli. Ia seolah-olah sesuatu yang menyeronokkan dan menunggu apa lagi yang boleh dihentam atau dikecam,” katanya.

Shuib juga kecewa apabila netizen sering menghentam dirinya serta dalam masa yang sama mengaitkan kisah peribadinya.

“Saya selalu menjadi orang yang dihentam dalam media sosial. Pasal bisnes pun dikaitkan dengan hal peribadi saya. Misalnya, selama ini syarikat saya tak pernah lambat bayar gaji pekerja, tapi apabila ada sekali lambat bayar gaji hanya dua hari, perkara itu menjadi tular.

“Kemudian ada yang mengajak orang lain untuk mengecam saya. Maka keluarlah kisah peribadi yang mengaitkan saya hidup mewah atau bercuti.

“Kalaupun mereka dalam ‘kasut’ saya, mereka akan berkata, aku tak sepatutnya berkata demikian.

Hanya kita yang tahu menguruskan kewangan kita. Tiba-tiba ada orang luar yang menilai atau *judge* dari luaran, itu tidak adil,” ujarnya.

Tambahnya lagi, dia turut berasa hati dengan situasi tersebut lebih-lebih lagi anak-anak dan keluarga turut membaca komen atau tuduhan yang dilemparkan.

“Tolonglah rakyat Malaysia, perkara ini (buli siber) seolah-olah menjadi normal malah lebih agresif. Bukan semua orang boleh hadap.

“Saya sendiri pernah rasa tekanan itu. Kita ini manusia biasa, kadang-kadang tersalah cakap, apabila sudah minta maaf seolah-olah tidak boleh dimaafkan,” ujarnya.



Nyawa tidak dapat dikembalikan

BAGI Shuk Sahar yang pernah melalui saat-saat dikecam rentetan kontroversi yang melandanya sebelum ini berpendapat buli siber seakan sudah menjadi normal dalam kehidupan seharian.

“Perkara (komen negatif dalam media sosial) ini sudah menjadi kebiasaan. Ia sudah menjadi normalisasi untuk kita bersuara atau hentam apabila berasakan seseorang itu tidak betul. Kalau boleh apabila nak bercakap atau menulis dalam media sosial, berfikirlah terlebih dahulu.

“Kalau seseorang individu itu salah sekalipun, macam mana kalau suatu hari nanti, keluarga kita berada dalam situasi itu. Malah dihentam seperti itu,” katanya.

Menurut Shuk yang bakal muncul dengan

rancangan Dol’s Podcast, kecaman-kecaman yang dilemparkan kepada mana-mana artis atau individu lain pasti memberi kesan buruk apabila mangsa sukar menanganinya.

“Tak semua orang boleh hadap. Memang kita ada kebebasan bersuara, tapi sebelum itu, fikirkan dahulu apa akibat daripada apa yang kita lontarkan.

“Akhirnya apabila ada yang bunuh diri, kita tak dapat nak tarik kata-kata itu. Adakah dengan padam komen dia boleh hidup semula? Sudah tentu tak boleh.

“Nasihat saya berdasarkan pengalaman lalu, kalau terima kecaman dan tidak mampu hadapinya, *let it go*. Nak tutup komen, tutuplah,” pesannya.





**Baby Shima harap
jadikan iktibar >>23**



**Malaysia bawa pulang
38 pingat emas >>22**

Culas dalam pekerjaan

Keimanan mampu ubah sikap buruk

SYED HAZIQUE

KONSEP kerja menurut Islam adalah meliputi segala bidang ekonomi yang dibenarkan oleh syarak dan diperbolehkan menerima upah atau bayaran.

Terdapat penjelasan tentang konsep kerja dari keterangan hadis-hadis Rasulullah (SAW) antaranya:

“Tidaklah ada makanan seseorang itu yang lebih baik daripada apa yang dimakannya dari hasil usaha tangannya sendiri.” - Riwayat Al-Bukhari

Ibadah bukan sekadar mendirikan solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya malah bekerja juga adalah ibadah. Sekiranya hanya solat dianggap ibadah, ia tidak lebih setengah jam sahaja daripada 24 jam sehari. Sedangkan waktu yang paling banyak dihabiskan sehari dalam melakukan pekerjaan.

Sikap pekerja yang culas, tidak amanah, lewat masuk ke tempat kerja sering kali menjadi budaya kerja dalam sesetengah masyarakat.

Perangai yang negatif itu sukar untuk dibuang kerana telah sebat dalam diri seseorang itu tetapi sebenarnya keimanan kepada Allah SWT boleh mengubah sikap buruk berkenaan.

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM, **Dr Mohd Hapiz Mahaiyadin** berkata budaya kerja Islam sangat menekankan profesionalisme dalam erti keahlian dan kelayakan dalam sesuatu bidang.

“Seorang pekerja Muslim



PERANGAI negatif dalam kerja sukar untuk dibuang kerana telah sebat dalam diri seseorang. - Gambar hiasan

haruslah menguruskan tugasnya secara profesional serta jujur dengan amanah yang dipertanggungjawabkan.

“Tugas yang dijalankan secara tidak profesional akan kehilangan amanah yang boleh menyebabkan pelbagai perkara yang tidak diingini terjadi.

“Sesuatu pekerjaan pasti hancur sekiranya suatu tugas (walaupun kerja peribadi) dilaksanakan dengan sikap sambil lewa.

“Upah, gaji atau elaun yang diterima atau diambil bagi tugas yang terbengkalai, tidak sempurna atau tidak menepati kehendak majikan atau tanpa

melakukan sebarang tugas kerana culas, ponteng kerja dan seumpamanya tanpa kerelaan majikan adalah bergulir di antara makruh-syubhah haram kerana tidak diperolehi dengan cara yang syarie (iaitu hasil persetujuan dengan majikan),” katanya kepada Wilayahku.

Tambah beliau, etika kerja yang melanggar syariat Islam seperti menipu, zalim dan menindas, tidak akan mendapat reda Allah.

“Keperibadian mulia seorang

pekerja dan majikan, hendaklah diberikan penanda aras paling tinggi dan utama.



MOHD HAPIZ

“Ini kerana jika pekerja dan majikan bersifat amanah serta tidak menyalahgunakan pangkat atau kuasa dalam mentadbir nescaya akan mendapat keredaan Allah SWT, mendapat keberkatan rezeki, dipercayai oleh pekerja serta membawa kemakmuran kepada organisasi,” ujarnya.

Jelas Mohd Hapiz, integriti merupakan elemen yang perlu

diberikan perhatian oleh setiap individu (pekerja) yang berada di bawah sesuatu organisasi. Penghayatan terhadap elemen ini amat penting kerana ia mampu memberikan kesejahteraan kepada kakitangan sesuatu organisasi.

Menurut beliau, agama Islam juga menekankan soal integriti dalam kehidupan manusia. Nilai-nilai integriti terbentuk melalui nilai-nilai amanah, jujur dan kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri.

“Di dalam Islam, konsep integriti ini boleh diungkapkan juga dengan sifat amanah dan itqan (bersungguh-sungguh). Di dalam Al-Quran, Allah SWT menyifatkan antara sifat-sifat orang yang beriman ialah mereka menjalankan amanah dan menjaga janji mereka.

“Jika para pekerja mempunyai nilai integriti yang tinggi dalam diri mereka, pasti mereka akan melaksanakan kerja yang diberikan kepada mereka dengan sebaik mungkin. Mereka juga tidak membuang masa dan mencuri tulang dalam waktu bekerja bahkan mereka menumpukan sepenuh perhatian terhadap kerja yang dilakukan dan bersungguh-sungguh menyempurnakannya.

“Sebaliknya, sifat-sifat negatif seperti khianat, tidak amanah, memberi atau menerima rasuah, suka membuang masa, mencuri tulang dan seumpamanya pula akan memberi kesan dan menjejaskan kredibiliti sesebuah organisasi,” katanya.



SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

